



INSTITUT TEKNOLOGI MARA



L a p o r a n T a h u n a n
1 9 9 4

LAPORAN TAHUNAN 1994



اينستيتوت تيكنولوگي مارل
INSTITUT TEKNOLOGI MARA

Yang Berhormat Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak
SSAP, SIMP, DSAP, DPMS, PNBS
Menteri Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan
Kuala Lumpur

YB. Dato' Seri,

Majlis Institut Teknologi MARA dengan hormatnya menyampaikan Laporan Tahunan ITM bagi tahun 1994 mengikut kehendak Bahagian VI Seksyen 30(1) Akta Institut Teknologi MARA 1976 (Akta 173) Undang-Undang Malaysia.

Dengan penuh hormat,



TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN HAJI ARSHAD
Pengerusi

Kandungan

.....

| PERKARA | MUKA SURAT |
|---|-------------------|
| MAKLUMAT KORPORAT | 5 |
| MISI, FALSAFAH, OBJEKTIF | 6 |
| MATLAMAT | 7 |
| GAMBAR AHLI-AHLI MAJLIS | 8 |
| PENGURUSAN KANAN | 10 |
| DEKAN KAJIAN DAN KETUA PUSAT AKADEMIK | 11 |
| PENGETUA KAMPUS CAWANGAN, JURUAUDIT | 12 |
| | |
| LAPORAN PENGARAH | 15 |
| | |
| LAPORAN KAJIAN/PUSAT DAN KAMPUS CAWANGAN | |
| Kajian Perakaunan | 28 |
| Kajian Senilukis dan Senireka | 29 |
| Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang | 32 |
| Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur | 33 |
| Kajian Sains Gunaan | 35 |
| Kajian Perniagaan dan Pengurusan | 37 |
| Kajian Sains Matematik dan Komputer | 38 |
| Kajian Kejuruteraan | 39 |
| Kajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan | 41 |
| Kajian Sebaran AM | 42 |
| Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat | 43 |
| Kajian Sains Kesyntesis | 44 |
| Pusat Pendidikan Islam | 45 |
| Pusat Bahasa | 46 |
| Pusat Pendidikan Luar | 47 |
| Pusat Kursus Luaran | 48 |
| Pusat Sistem Maklumat Bersepadu | 48 |
| Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC) | 48 |
| Biroteks | 50 |
| Pusat Sumber Pengajian dan Pembelajaran | 51 |
| Pusat Computer Aided Design/Engineering/Manufacturing (CADEM) | 52 |
| Pusat Pengajian Pengangkutan Malaysia | 52 |
| ITM Cawangan Perlis | 53 |
| ITM Cawangan Sabah | 53 |
| ITM Cawangan Sarawak | 54 |
| ITM Cawangan Terengganu | 54 |
| ITM Cawangan Johor | 55 |
| ITM Cawangan Melaka | 55 |
| ITM Cawangan Perak | 56 |
| ITM Cawangan Pahang | 57 |
| ITM Cawangan Kelantan | 57 |
| Pusat Pendidikan Persediaan | 58 |
| PENYATA KEWANGAN | 59 |



Kampus Institut Teknologi MARA Shah Alam

Maklumat Korporat

Penubuhan

Sejarah Institut Teknologi MARA bermula dengan penubuhan Dewan Latihan RIDA dalam tahun 1956 yang bertujuan untuk memberi latihan dalam pendidikan dalam bidang perusahaan dan perniagaan untuk membolehkan anak-anak bumiputera dan luar bandar menceburkan diri dalam bidang-bidang tersebut. Seramai 25 orang pelajar telah diterima untuk mengikuti pengajian London Chamber of Commerce (Peringkat Permulaan) dan dalam perusahaan membuat tali sabut.

Selaras dengan resolusi kongres Ekonomi Bumiputera yang telah diadakan dalam tahun 1965, peranan pusat pengajian ini telah diperluaskan dan namanya ditukar kepada Maktab MARA. Jumlah dan peringkat pengajian telah dipertingkatkan. Permintaan untuk jenis dan bidang latihan yang ditawarkan menekankan keupayaan fizikal maktab dan beberapa bangunan terpaksa disewa. Akhirnya, sebidang tanah seluas 300 ekar di Shah Alam telah diluluskan untuk pembinaan kampus tetap dan pada 14 Oktober 1967, upacara perletakan batu asas telah dilakukan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein. Serentak dengan itu, Maktab MARA bertukar nama kepada Institut Teknologi MARA.

Pada peringkat permulaan Dewan Latihan RIDA telah ditadbirkan oleh Bahagian Latihan RIDA dan seterusnya Bahagian Latihan MARA apabila RIDA bertukar nama kepada MARA. Ini bermakna bahawa pusat pengajian ini turut diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Pada akhir tahun 1970 Institut Teknologi MARA telah diberi autonomi penuh dan ditadbirkan oleh Majlis Pentadbirannya sendiri. Dengan lulusnya Akta Institut Teknologi MARA pada bulan Jun 1976, ITM diletakkan terus di bawah Kementerian Pelajaran.

Perkembangan ITM sebagai pusat pengajian profesional dan separa profesional mencatatkan satu sejarah yang pesat dan cemerlang. Daripada cuma kursus perdagangan rendah dan vokasional pada permulaannya. ITM kini menawarkan 95 kursus dalam berbagai bidang pengajian yang diletakkan di bawah 12 Kajian, merangkumi bidang-bidang sains dan kejuruteraan, perniagaan dan pengurusan dan sains sosial dan kemanusiaan. Bermula dengan 25 orang pelajar, ITM kini mempunyai 33,045 pelajar yang ditempatkan di sepuluh buah kampus termasuk seramai 12,098 orang pelajar di kampus induk Shah Alam. Dari sebuah kampus di Petaling Jaya, ITM kini mempunyai kampus cawangan di Sabah, Sarawak, Perlis, Terengganu, Melaka, Johor, Pahang, Perak dan Kelantan.

Misi

.....

Menjadi sebuah Institusi Pendidikan Tinggi terkemuka. Beriltizam untuk mewujudkan kecemerlangan akademik dalam bidang pendidikan dan latihan profesional bagi pembangunan sosio ekonomi negara.

Falsafah

.....

Kepercayaan bahawa semua manusia mempunyai bakat, minat dan kecenderungan dan jika diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui pemindahan ilmu pengetahuan dari mana-mana kebudayaan atau tamadun dunia secara terbuka, serta melalui pemindahan dan penerapan nilai-nilai Islam boleh berperanan dalam membangunkan diri, masyarakat dan negara.

Objektif

.....

Untuk mendidik bumiputera menjadi profesional yang berkaliber, berkari, berilmu dan bertaqwa supaya boleh bersaing dalam dunia perniagaan, perdagangan, sains dan teknologi.

Matlamat

Untuk mencapai objektif akademiknya ITM menyusun aktiviti-aktiviti akademik berikut:

- 1** Mengadakan program-program pendidikan di peringkat profesional dan separa profesional.
- 2** Mendedahkan pelajarinya kepada ilmu pengetahuan dari mana-mana tamadun yang sesuai dengan hasratnya sebagai institusi pendidikan tinggi asal tidak bercanggah dengan kebudayaan dan tatasusila Melayu.
- 3** Mendedahkan pelajarinya kepada program-program bukan akademik, yang boleh membentuk sahsiah mereka, sebagai persiapan untuk bersaing dalam dunia pekerjaan.
- 4** Menanamkan semangat dan ciri-ciri Islam ke dalam sanubari pelajarinya melalui program-program keagamaan dan pembinaan insan kamil.
- 5** Menentukan setiap tenaga pengajarnya mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing melalui proses perkembangan sumber manusia yang sistematik.
- 6** Membentuk satu sistem pentadbiran yang boleh mendorong keaktiviti dan kerjasama antara kakitangan supaya misi ITM sebagai institusi pendidikan tinggi cemerlang tercapai.

Abli-Abli Majlis



Duduk Dari Kiri Ke Kanan: Tuan Haji Zahani bin Tan Sri Ahmad, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman bin Arshad, Yang Berbahagia Dato' Ir. Haji Ahmad Zaidee bin Laidin.

Berdiri Dari Kiri Ke Kanan: Puan Noor Bee bt. Ariffin, Tuan Haji Bahadon bin Ismail, Dr. Mohd. Yahya bin Nordin, Encik Aripin bin Yahya, Encik Mohd. Ibrahim bin Mohd Zain, Yang Berbahagia Datuk Haji Mohd Taha Ariffin, Encik Abdul Rahman bin Mohd Ali, Yang Berbahagia Dato' Haji Abdul Ghani bin Sulaiman.

Majlis ITM

.....

PENGERUSI

Y. Bhg. Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman bin Arshad
PSM, SPDK, DCSM, DMPN, DSAP, DKSJ, JMN, JSM, BSK
Pengerusi
Bank Industries Berhad

TIMBALAN PENGERUSI

Tuan Haji Zahani bin Tan Sri Ahmad
JSM, AMN
Pengerusi
BEP Akitek Sdn. Bhd.

AHLI-AHLI

PENGARAH ITM

Y. Bhg. Ir. Hj. Ahmad Zaidee bin Haji Laidin,
KMN

KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN MALAYSIA

Wakil : **Puan Zaharah bt. Shaari**

Wakil : **Encik Aripin bin Yahya**
Ganti

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Y. Bhg. Datuk Dr. Johari bin Mat
DMSN, JSM, KMN

Wakil : **Puan Nuraizah bt. Abdul Hamid**
JSM

Wakil : **Dr. Mohd. Yahya bin Nordin**
Ganti

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN

Wakil : **Encik Abdul Rahman bin Mohd. Ali**

Wakil : **Y. Bhg. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Abdullah**
Ganti

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

Wakil : **Y. Bhg. Dato' Haji Abdul Ghani bin Sulaiman**
DIMP, DJN, DSM, AMN, PPB

Wakil : **Tuan Haji Musa bin Haji Taib**
Ganti

PEGUAMCARA NEGARA

Wakil : **Encik Muhamad Ideres bin Muhamad Rapee**
(hingga 30.10.94)

Wakil : **Puan Nor Bee bt. Ariffin**
(mulai 1.4.94)

KETUA PENGARAH MARA

Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd. Ridzuan bin Abdul Halim
DSDK, SMT

AHLI-AHLI LAIN

Y. Bhg. Datuk Haji Mohd. Taha Ariffin
PGBK, DIMP, JSM, JBK, PPC, PBS
Timbalan Setiausaha
Kerajaan Negeri Sarawak

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. Wan Abdul Rahman bin Yaacob
PSM, SPMT, DPMT, JSM, AMN

Encik Mohd. Ibrahim bin Mohd. Zain
Pengerusi Eksekutif
PAN Malaysia Industries Berhad

Y. Bhg. Dato' Mohd. Nadzmi bin Mohd. Salleh
DIMP, JSM, PMK
Pengarah
Perusahaan Otomobil Nasional Bhd.
(PROTON)
(mulai 1 Julai 94)

SETIAUSAHA

Pendaftar
Encik Bahadon bin Ismail

Pengurusan Kanan

PENGARAH

Y.Bhg. Ir. Hj. Ahmad Zaidee bin Haji Laidin, KMN
Dip. in Elect. Eng. (Brighton)
M.Sc. in Tech. Eco. (Mgmt. & Ind Sc.) (Stirling)
P.Eng., F.I.E.M., C. Eng. (U.K.), M.I.E.E. (U.K.),
M.M.S. (U.K.)

TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK DAN HAL EHWAL PELAJAR)

Ir. Dr. Wan Mahmood bin Wan Abdul Majid
Adv. Dip. In (C. Eng.) (ITM), M.Sc (Eng.) (Surrey)
Ph.D (C.Eng.) (City U.London), P.Eng., F.I.E.M.,
M.I.E. (Aust.), C.P.ENG

TIMBALAN PENGARAH (PENGURUSAN)

Dr. Khalifah bin Othman, AMP
DBS (ITM), B.Sc (Fin.) (N. Illinois),
MBA (N. Illinois), Ph. D (Mktg.) (Stirling)

PENDAFTAR

Bahadon bin Ismail
ACSA (U.K), BBA (Ohio), M.A. (Econ) (Ohio)

BENDAHARI

Hajah Siha bt. Saat
B.Eco (Acc.) (UM), MBA (Econ) (Ohio)

PENOLONG PENGARAH (AKADEMIK) I

Dr. Syed Noh bin Syed Ahmad
B.Econ. (Hons) (Malaya), MBA (Indiana),
M.Sc (Acc. & Fin.) (Stirling) Ph.D (Acc.) (Stirling)

PENOLONG PENGARAH (AKADEMIK) II

Ir. Dr. Sahol Hamid bin Abu Bakar
Adv. Dip. (C. Eng.) (ITM), M.Sc.
(C.Eng.) (Colorado S. Univ.)
M. Sc. (Econ.) (Colorado S. Univ.)
Ph. D (C.Eng.) (Sussex)

PENOLONG PENGARAH (AKADEMIK) III

Dr. Szarina Abdullah
Cert. in Lib. Studies (Hawaii), B.A. (Hons)
(Lib. Arts) (Chulalongkorn),

M.A. (Lib. Studies) (Hawaii)
Ph.D (Lib. Info. Sc.) (Illinois)

PENOLONG PENGARAH (HAL EHWAL PELAJAR) I

Dr. Mohd. Said Zainol
B.Sc. (Maths) (Malaya), MBA (Mgmt. Info.)
(Leuven), Ph.D. (Q.M.) (Wales), F.S.S

PENOLONG PENGARAH (HAL EHWAL PELAJAR) II

Ustaz Ramli bin Ibarahim
SMPI (KEP) (Usuluddin & Falsafah) (UKM)

PENOLONG PENGARAH PUSAT PENDIDIKAN BERKUALITI MENYELURUH

Dr. Adnan bin Alias
BA (Hons) (Antropology/Sociology) (UM)
MBA (Int. Bus. Mgmt.) (Leuven)
Ph.D (Int. Bus. Admin) (Nova)
(Florida)

KETUA PUSTAKAWAN

Rahmah bt. Muhamad
A.L.A (UK), ACIS (UK), MLS (Hawaii)

KETUA PEJABAT PEMBANGUNAN SELANGGARAAN

Dr. Hj. Munshi @ Munsy Abd. Hamid
Dip. (Building Eco.) (ITM), B.Sc.
(Building Tech. & Mgmt) (Brighton Poly.),
M.Sc. (Ind. Cons. Mgmt.) (Colorado State),
Ph.D (Labour Productivity) (Dundee)

KETUA UNIT PERANCANGAN DAN PENILAIAN

Dr. Abd. Halim bin Mohd. Nawawi
B. Econ. (Stats) (U.K), MBA (Fin.) (Leuven)
DBA (Fin.) (Nova)

KETUA PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN

Dr. Nor Saadah bt. Hj. Ismail
B.Sc. (Hons) (Chemistry) (Loughborough)
Ph.D (Chemistry) (N. Illinois)

Dekan Kajian dan Ketua Pusat Akademik

KAJIAN PERAKAUNAN

Dr. Juhari bin Samidi

BIM (U.K.), ACCA (UK), MBA (Acc.) (Ohio),
Ph.D (Bus.Admin.) (Arkansas)

KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA

Dr. Muhamad Tamyez Haji Bajuri

Dip. in Art & Design (ITM), MA (Ind. Design)
(CNA), Ph.D (Ind. Design) (Manchester Poly.)
(CNA)

KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG

Zita bt. Hj. Mohd. Fahmi

LL.B. (Hons) (UK)
Master of Law (London)

KAJIAN SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR

Kamariyah bt. Kamsah

Dip. (Arc.) (ITM), B. (Arc.) (Mississippi)
M. (Arch.) (Illinois)

KAJIAN SAINS GUNAAN

Dr. Sulong Ahmad bin Haji Kamaruddin

DVM (Bangladesh), M.Sc. (Vet. Microbiology)
(Minnesota)

KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN

Dr. Mohd. Tahir Haji Abdul Hamid

CIM (U.K.), B.Sc. (Mktg. & Mgmt.) (Syracuse),
MBA (Mktg.) (Central Michigan),
Ph.D (Mktg.) (UWIST)

KAJIAN SAINS MATEMATIK DAN KOMPUTER

Dr. Sahar bin Sawiran

Cert. Ed. (Penang), B.Econs. (Hons.) (Stats)
(Malaya), MBA (QM & Int. Buss.) (Leuven),
Ph. D (Q.M) (Wales), FRSS (U.K.)

KAJIAN KEJURUTERAAN

Ir. Dr. Mohamed Dahalan bin Mohamed Ramli

B.(Mech. Eng.), (Jadavpur), M.Sc. (Mech. Eng.)
(Washington State), Ph.D. (Mech. Eng.) (Sussex),
MIEM, P.Eng.

KAJIAN PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN

Chek Zaini bt. Hassan

Diploma (Hotel Management) (ITM),
B.Sc (Inst. Food Service Mgmt.)
(New Haven), M.Sc. (Human Nutrition &
Food Services Mgmt.) (Nebraska)

KAJIAN SEBARAN AM

Dr. Bukhory bin Haji Ismail

Sarjana Muda (Jurnal), Sarjana (Drs) (Jurnal)
(U. Padjadjaran Indon.)
M.A (Photojour) (Michigan. St.),
Ph.D (Jour. Mass Comm.) (Ohio)

KAJIAN SAINS KESETIAUSAHAAN

Encik Wan Abdul Aziz bin Abdul Kadir

Dip. Stenography (ITM), B.A. (Bus. Ed.)
(Wilmington), M. (Bus. Ed) (Morehead St.)

KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT

Fuziah bt. Mohd. Nadzar

Dip. in Library Science (ITM),
M.Sc. (Lib.Sc.) (Case W. Reserve)

PUSAT BAHASA

Tuan Syed Omar bin Syed Mohamed

Sijil Pendidikan (Madinah), B.A (Syariah) (Madinah)
M.A (Arabic) (Michigan)

PUSAT PENDIDIKAN LUAR

Hamidah bt. Junid

DIA (ITM), BBA (Marketing) (Ohio),
MBA (Marketing) (New Haven)

PUSAT PENDIDIKAN ISLAM

Zakaria bin Abdullah

B.A (Hons.) (Islamic St.) (UKM), M.Litt.,
(Aberdeen)

PUSAT KURSUS LUARAN

Hajah Hawa bt. Haji Hamidon

DIA (Perth), AASA (Aust.), MIA (Aust.)

PUSAT SUMBER PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**Dr. Zulaiha bt. Mohamed Ismail**

B.A (Pol. Sc. & Hist.) (S'pore), Dip. Ed. (S'pore)
 M.A. (Hum. Res. Dev.) (E. Carolina),
 M.A. (Ed. & Psychology) (E. Carolina),
 Ph.D. (Hum. Rs. Dev.) (Washington)

PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA (MEDEC)**Dr. Human bin Haji Mohamed**

B.Econs (Bus. Admin) (UM), MBA
 (Bus. Admin.) (Phillippines)
 Ph.D (Bus. Admin.) (Stirling)

PUSAT MAKLUMAT BERSEPADU**Aminuddin bin Haji Mohamad**

B.Sc (Math) (Auckland), M.Sc. (Ind. Math. & Stat.)
 (Aston), M.N.C.C., F.R.S.S. (U.K.)

BIRO PENYEDIAAN TEKS (BIROTEKS)**Dr. Nor Khomar bt. Haji Ishak**

DHCM (ITM), B.S.B.A. (Denver), M.S.B.A.
 (N. Colorado), Ph.D (Hotel, Restoran & Inst. Mgmt.)
 (Virginia Inst. & St. Univ.)

PUSAT PENDIDIKAN PERSEDIAAN**Dr. Zaini bin Hamzah**

S. Muda Sains (Kimia) (UKM),
 Dip. Peng. Islam (UKM), Post Dip. in Chemistry,
 (Kelsteron Coll.), M.Sc. (Nuclear & Radiation Chem.)
 (Salford) Ph.D (Radio Chem.), (Salford)

Pengetua-Pengetua Kampus Cawangan

ITM CAWANGAN SABAH**Baharudin bin Ismail**

DBS (ITM), B.Sc (Bus.), (Mktg. Mgmt.) (Miami),
 MBA (Bus. & Comm.) (Marshall)

ITM CAWANGAN SARAWAK**Dr. Ibrahim bin Abu Shah**

DPA (ITM), B.A (Eco.) (Ohio),
 M.A (Sociology) (Ohio), Ph.D (Gov. & Pol.) (Maryland)

ITM CAWANGAN PERLIS**Wan Abaid bin Wan Ismail**

DPA (ITM), B.A (Bus.) (Monmouth Coll),
 MBA (Mgmt.) (Marshall)

ITM CAWANGAN TERENGGANU**Dr. Mohamad bin Muda**

DICM (ITM), Dip. (Tourism Studies)
 (Bournemouth) Final Membership (HCIMA) (UK),
 M.Sc. (Hotel Rest. & Travel Admin.)
 (Massachusetts)
 Ph.D (Hotel & Rest./Hosp. Mgmt.) (Strathclyde)

ITM CAWANGAN JOHOR**Dr. Hj. Sharuddin bin Salleh**

Dip. (Mech. Eng.) (UTM), M.Sc.
 (Traffic Highway) (Strathclyde)
 Ph.D (Highway Eng.) (Bradford)

ITM CAWANGAN MELAKA**Dr. Baharuddin bin Abdul Aziz**

Dip. (Mass Comm.) (ITM)
 M.S. (Broadcasting) (Boston),
 Ph.D (Communication) (Oregon)

ITM CAWANGAN PERAK**Haji Mohd. Salleh bin Haji Ismail**

B.Sc. (Physics) (Malaya)
 M.Sc. (Stats.) (N.Illinois)

ITM CAWANGAN PAHANG**Dr. Nasuddin bin Othman**

DPIM (ITM), M.Sc. (Agr. Econ.)
 (Indonesia), M.Sc. (Agri. Dev.) (Belgium)
 Ph.D (Farm Mgmt.) (Stirling)

ITM CAWANGAN KELANTAN**Tuan Haji Abdullah bin Mohamad**

Sijil Perguruan - (PLD) (K. Terengganu),
 B.Sc. (Hons) (USM)
 MPA, (Urban Mgmt.) (Pittsburgh)

JURUAUDIT**Pejabat Ketua Audit Negara**

Bahagian Perusahaan Awam Persekutuan
 Tingkat 12, Bangunan KUWASA
 Jalan Raja Laut 50510 KUALA LUMPUR

Laporan Pengarah

Pengarah ITM



Y.Bhg. Dato' Ir. Haji Ahmad Zaidee Laidin, DPMP, KMN.

Laporan Pengarah

MUKADIMAH

Alhamdulillah. Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. kerana dapat saya menyedia dan menyiapkan Laporan Pengarah bagi tahun 1994 yang telah diamanahkan kepada saya. Tahun 1994 merupakan tahun pertama bagi saya menerajui Institut Teknologi MARA, sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang terbesar di Malaysia dengan jumlah enrolmen seramai 36,303 orang pelajar.

Penumpuan dan penekanan pada tahun ini ialah kepada kualiti. Pengerusi Majlis ITM, Y. Bhg. Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman Arshad dipetik sebagai berkata "Graduan ITM sejak dahulu lagi diiktiraf oleh pihak swasta sebagai graduan yang berkualiti. Produk yang berkualiti adalah hasil daripada sumber tenaga manusia yang berkualiti," ketika merasmikan Hari Kualiti ITM 1994 pada 14 Disember 1994.

Untuk memperkukuh dan memperkuat lagi aspek kualiti ini, Pusat Pendidikan Berkualiti Menyeluruh [dikenali sebagai CTQE] telah diwujudkan pada 15 September 1994. Tujuan penubuhan pusat ini ialah untuk menyepadukan kualiti menyeluruh dalam mengembangkan kurikulum dan ko-kurikulum, aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan perundingan, pentadbiran dan aktiviti sokongan lain. Melalui perancangan kualiti yang terperinci, CTQE akan turut membentuk persekutuan strategik dengan industri dan institusi lain yang berkaitan, sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Tahun 1994 telah dimanfaatkan dengan berbagai kegiatan dan pencapaian. Semua kegiatan yang dilaksanakan menjurus kepada peningkatan kualiti kakitangan dan pelajar. Segala usaha yang diikhtiarkan menggabungkan aspek ilmu dan nilai murni. Dalam tempoh tahun laporan, Institut telah melahirkan seramai 7,219 orang graduan. Pencapaian ini amat membanggakan memandangkan jumlah besar graduan ITM telah melebihi dari 77,000 orang. Graduan Bumiputra ini telah menceburi pasaran pekerjaan dalam pelbagai bidang profesional. Mereka ini akan memainkan peranan masing-masing untuk pembangunan bangsa, agama dan negara.

MAJLIS

Sepanjang tahun 1994, Majlis ITM yang dianggotai oleh 13 orang ahli telah bermesyuarat sebanyak sembilan kali.

lanya termasuk mesyuarat yang telah diadakan di kampus-kampus cawangan iaitu di ITM Cawangan Pahang pada 01 Julai 1994, di ITM Cawangan Kelantan pada 06 Ogos 1994 dan di Pusat Pendidikan Persediaan ITM, Seksyen 17, Shah Alam pada 01 Oktober 1994.

Tahniah

Institut ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Y. Bhg. Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman Arshad, Pengerusi Majlis ITM di atas peng-anugerahan 'Honorary Doctor of Education' oleh University of East London, England pada 08 Disember 1994.

Ucapan setinggi-tinggi tahniah juga kepada Ahli-Ahli Majlis di atas perlantikan semula dalam keanggotaan Majlis ITM untuk tempoh tiga tahun mulai 01 Julai 1994. Mereka ialah:

- Tuan Haji Zahani Tan Sri Ahmad
Timbalan Pengerusi Majlis
- Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. Wan Abdul Rahman Yaacob
Ketua Pengarah Kerja Raya
- Y. Bhg. Datuk Haji Mohd Taha Ariffin
Timbalan Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

Keanggotaan

Institut ingin mengalu-alukan perlantikan dua orang Ahli Majlis yang baru. Mereka ialah:

- Y. Bhg. Datuk Mohd. Nadzmi Mohd Salleh
Pengerusi Eksekutif
Perusahaan Otomobil Nasional [PROTON]
[dilantik mulai 01 Julai 1994]
- Puan Noor Bee Ariffin
Peguam Kanan Persekutuan
[dilantik mulai 01 November 1994]

Penghargaan

Institut juga ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada bekas Ahli-Ahli Majlis kerana sumbangan yang telah diberikan semasa menganggotai Majlis ITM. Mereka ialah:

- Dr. Jaafar Ahmad
Penasihat Bank Negara
[sehingga 10 Januari 1994]
- Puan Noraini Abdul Rahman
Timbalan Bahagian Penasihat dan Antarabangsa II
Wakil Peguamcara Negara
[sehingga 31 Januari 1994]
- Encik Muhamad Ideres Muhamad Rapee
Timbalan Bahagian Penasihat dan Antarabangsa II
Wakil Peguamcara Negara
[sehingga 30 Oktober 1994]

KAKITANGAN

Pada bulan Disember 1994, bilangan kakitangan ialah seramai 6356 orang. Dari jumlah ini, 2559 atau 40.3% daripadanya kakitangan akademik dan selebihnya ialah kakitangan bukan akademik. Dari jumlah kakitangan bukan akademik, 317 orang terdiri dari Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 3480 orang pula Pegawai Kumpulan Sokongan.

Dalam tahun 1994, seramai 180 orang kakitangan akademik telah tamat tempoh cuti belajar mereka. Dari jumlah ini, 30 orang daripadanya telah beroleh Ijazah Doktor Falsafah. Dalam tahun yang sama juga, seramai 160 orang kakitangan akademik telah diberi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran mereka. Seramai 17 orang dari pemegang biasiswa ini ialah untuk Ijazah Doktor Falsafah.

Di samping itu pula, pelbagai latihan telah dijalankan di sepanjang tahun laporan. Latihan yang dijalankan mirip kepada kursus dalam bidang automasi dan komputer serta kursus untuk kemahiran teknikal dan perkhidmatan. Kursus berbentuk pengurusan pula ditumpukan kepada aspek keberkesanan pengurusan kualiti menyeluruh. Kesemuanya terdapat 111 kursus yang telah dilaksanakan dan kursus-kursus tersebut telah memberi manfaat kepada 3599 orang kakitangan.

Bagi kakitangan yang baru melaporkan diri pula, pihak pengurusan telah mengadakan program orientasi khas untuk mereka. Program ini bertujuan untuk mendedah dan memperkenalkan misi, visi dan objektif serta sistem dan organisasi ITM secara menyeluruh. Dalam tempoh laporan, sebanyak 16 kursus sedemikian telah dapat dijalankan.

Untuk menjaga kesejahteraan kakitangan, Bahagian Kemajuan Kerjaya dan Kaunseling Kakitangan [BAKAT] telah diwujudkan pada 16 Februari 1994. Di antara fungsi utama bahagian ini ialah merancang dan melaksanakan

program pembangunan kerjaya kakitangan dan khidmat kaunseling. Adalah diharapkan BAKAT akan dapat memainkan peranannya untuk menjaga kesejahteraan kakitangan Institut.

PELAJAR

Pengambilan

Dalam tahun 1994, Institut telah menerima sebanyak 80,000 permohonan dari calon yang berhasrat untuk mengikuti kursus sepenuh masa, separuh masa dan juga kursus sijil. Seramai 15,353 calon telah mendaftarkan diri. Taburan pengambilan pelajar mengikut kampus adalah seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.

Enrolmen

Enrolmen pelajar di akhir tahun 1994 ialah seramai 36,303 orang. Dari jumlah ini, 30,431 orang daripadanya merupakan pelajar sepenuh masa. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 9.8% berbanding dengan tahun 1993. Taburan pelajar sepenuh masa mengikut kampus adalah seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.

Sejajar dengan dasar Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan mereka yang sedang bekerja untuk mendapat kelulusan lebih tinggi dan bagi mewujudkan masyarakat belajar sepanjang hayat, Institut ini telah pun mewujudkan program Pengajian Luar Kampus pada tahun 1973 dan Pendidikan Jarak Jauh pada tahun 1990. Dalam tempoh tahun laporan, enrolmen bagi program Pengajian Luar Kampus berjumlah 1690 orang manakala enrolmen bagi program Pendidikan Jarak Jauh pula seramai 4182 orang. Jumlah ini masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 2.6% dan 4.9% berbanding dengan tahun 1993. Taburan enrolmen pelajar separuh masa mengikut kampus adalah seperti dalam Rajah 3.

Peperiksaan

Seperti kebiasaannya, peperiksaan akhir semester telah dijalankan pada bulan Mei dan November 1994. Peperiksaan bulan Mei telah melibatkan seramai 26,954 pelajar sepenuh masa dan 4,082 pelajar Pendidikan Jarak Jauh serta 1,556 pelajar Kajian Luar Kampus. Peratusan lulus bagi pelajar sepenuh masa ialah 97.0% manakala pencapaian pelajar Pendidikan Jarak Jauh dan pelajar Kajian Luar Kampus masing-masing ialah 81.9% dan 84.9%. Pada keseluruhannya, dalam peperiksaan yang sama, sejumlah 1,718 orang pelajar telah berjaya mendapat Anugerah Dekan sementara 50 orang pelajar lagi telah tamat dengan penghormatan Anugerah Pengarah.

Peperiksaan bulan November pula telah melibatkan 29,233 pelajar sepenuh masa dan 4,167 pelajar Pendidikan Jarak Jauh serta 1,659 pelajar Kajian Luar Kampus. Bagi pelajar sepenuh masa, peratusan lulus ialah 97.0% manakala pencapaian pelajar Pendidikan Jarak Jauh dan Kajian Luar Kampus masing-masing ialah 85.3% dan 84.7%. Bagi peperiksaan bulan November, seramai 2,425 orang pelajar telah berjaya mendapat Anugerah Dekan sementara 35 orang pelajar telah tamat dengan penghormatan Anugerah Pengarah.

Graduan

Mengikut tradisi yang sedia ada, Institut telah meraikan para graduan dengan mengadakan Majlis Konvokesyen yang ke-39 pada bulan Mac dan yang ke-40 pada bulan Oktober 1994. Dalam tahun 1994, Institut telah berjaya melahirkan sejumlah 7,219 graduan Bumiputra di peringkat profesional dan spara-profesional dalam pelbagai bidang kerjaya. Pada masa yang sama pihak Institut merasa amat bangga dengan penampilan seramai 87 orang graduan di peringkat Sarjana.

Selaras dengan dasar Kementerian Pendidikan yang memberi fokus kepada bidang Teknologi dan Pengurusan, Institut juga telah memberi penekanan yang sama. Dari jumlah graduan, 31.1% daripadanya adalah graduan dalam bidang Sains dan Teknologi manakala 55.2% daripadanya pula merupakan graduan dalam bidang Sains Pengurusan. Rajah 4 menunjukkan peratusan graduan mengikut bidang Sains dan Teknologi, Sains Pengurusan dan Sains Kemasyarakatan.

Graduan Institut terbahagi kepada peringkat Sarjana, Ijazah, Diploma Lanjutan, Diploma dan Sijil. Rajah 5 menunjukkan peratusan graduan mengikut jenis kelulusan.

Hal Ehwal Pelajar

Sepanjang tahun 1994, pelbagai kegiatan telah dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Di antaranya terdapat 134 aktiviti yang dijalankan di bawah unit ko-kurikulum, 100 aktiviti lagi dilaksanakan oleh persatuan dalaman manakala pihak kolej pula telah menjalankan sejumlah 82 aktiviti. Pada dasarnya seluruh aktiviti yang dijalankan bertujuan untuk membantu membangun minda pelajar. Institut memandang serius untuk menampilkan graduan yang cekal dan cekap sebelum menceburi pasaran pekerjaan.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar juga terlibat dengan pengendalian Unit Ko-kurikulum dan Unit Kaunseling. Pada tahun 1994, terdapat 47 jenis pilihan ko-kurikulum yang ditawarkan dan ko-kurikulum ini, suatu aktiviti di luar kuliah adalah perkara wajib bagi semua pelajar Institut. Pilihan ko-kurikulum termasuk ADASI dan ASABINA,

Kebudayaan dan Kesatria, KEMUSA dan KAMU, PALAPES dan PBSM dan juga sukan.



Tahun 1994 merupakan tahun ke-25 penubuhan Unit Kaunseling. Unit ini masih menjalankan kegiatan yang telah ditetapkan dari awal penubuhannya di antaranya ialah kaunseling individu, kaunseling berkelompok dan kaunseling kerjaya untuk pelajar yang memerlukannya.

PERKEMBANGAN AKADEMIK

Kursus Baru

Di antara fungsi utama sesebuah institusi pengajian tinggi ialah pemeliharaan, penyebaran dan perkembangan ilmu. Sehubungan dengan itu, Institut akan terus memainkan peranan ini dengan sebaik-baiknya. Dalam tempoh laporan, sebanyak tujuh [7] kursus baru telah diperkenalkan menjadikan jumlah kursus yang ditawarkan oleh Institut berjumlah 110 kesemuanya. Kajian yang terlibat dengan tawaran kursus baru ialah:

- Kajian Kejuruteraan
Diploma Kejuruteraan Awam [Pembinaan]
Diploma Kejuruteraan Awam [Kejuruteraan Ukur]
Diploma Kejuruteraan Awam [Perkhidmatan dan Penyelenggaraan Bangunan]
- Kajian Sains Gunaan
Diploma Lanjutan Kimia Gunaan
- Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur
Diploma Lanjutan Ukur Bangunan
- Kajian Pentadbiran Dan Undang-Undang
Sijil Amalan Guaman
- Kajian Perniagaan Dan Pengurusan
Diploma Lanjutan Perniagaan dan Pengurusan [Peruncitan]

Dalam tempoh laporan, Jabatan Perkhidmatan Awam telah memberi pengiktirafan kepada dua kursus sebagai setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda Kepujian. Kajian yang terlibat ialah:

- Kajian Sains Gunaan
Diploma Lanjutan Kimia Gunaan
- Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat
Diploma Lanjutan Sains Perpustakaan

Terdapat juga beberapa kursus yang baru mendapat kelulusan dari Kementerian Pendidikan yang bakal ditawarkan dalam tahun 1995. Kursus-kursus yang dimaksudkan ialah:

- Kajian Perniagaan Dan Pengurusan
International Modular MBA
[usahasama Cardiff Business School/ITM]
- Kajian Seni Lukis Dan Seni Reka
Sarjana Pendidikan Seni
[usahasama Demontfort University/ITM]
- Kajian Sains Gunaan
Diploma Lanjutan Teknologi Perabut
- Kajian Pengurusan Dan Pelancongan
Diploma Lanjutan Pengurusan Hospitaliti
[Pengurusan Hotel/ Pengurusan Pelancongan/
Pengurusan Perkhidmatan Makanan]
- Kajian Sains Matematik Dan Komputer
Diploma Lanjutan Teknologi Maklumat

Penulisan

Di samping menjalankan tugas hakiki dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, para akademik juga dipertanggungjawabkan dengan tugas penulisan. Hanya menerusi penulisan sahaja para akademik dapat berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam bidang dan minat masing-masing. Dalam tempoh tahun laporan, kakitangan akademik Institut telah berusaha untuk membentangkan sejumlah 96 kertas kerja dipelbagai konferensi di peringkat antarabangsa. Di peringkat kebangsaan pula, sejumlah 210 kertas kerja telah dibentangkan. Dalam aspek penulisan buku, sejumlah 45 buah buku telah dapat dihasilkan oleh para akademik disepanjang tahun 1994.

Penyelidikan Dan Perundingan

Para akademik Institut juga terlibat dengan aktiviti penyelidikan dan perundingan di bawah penyelarasan Biro Penyelidikan dan Perundingan. Dalam tempoh tahun

laporan, sejumlah 20 projek penyelidikan dan perundingan telah disiapkan dengan melibatkan anggaran kos bernilai RM3.51 juta. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 63 projek sedang dalam kendalian, 70 projek pula telah pun mendapat kelulusan manakala 31 projek lagi baru di peringkat permulaan. Kesemua 164 projek ini melibatkan anggaran kos bernilai RM6.4 juta.

Pusat Daya Cipta yang memberi khidmat kepakaran yang unik telah mendapat kepercayaan sepenuhnya dari pihak sektor awam dan swasta. Di sepanjang tahun 1994, pusat ini telah mengendalikan 71 pelbagai projek perundingan yang melibatkan anggaran kos bernilai RM2.7 juta.

Persidangan Akademik ITM 1994

Institut telah mewujudkan suatu tradisi mengadakan Persidangan Akademik ITM dua tahun sekali bertempat di kampus cawangan. Bagi tahun 1994, Kampus Cawangan ITM Sarawak telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah. Pada kali ini, Persidangan Akademik ITM telah diadakan di Kuching, Sarawak pada 2 - 6 September 1994. Dengan bertemakan Paradigm Shifts: Issues, Perspectives and Options, sejumlah 40 kertas kerja telah dibentangkan di samping 9 kertas kerja poster. Di antara resolusi persidangan ialah penilaian semula polisi Institut, penerapan nilai-nilai Islam dan TQM dalam kurikulum, penyeimbangan intelek dengan ilmu dan nilai murni dan pewujudan model pensyarah yang cemerlang.

Seminar/Konferensi

Di sepanjang tahun 1994, beberapa kajian telah menganjurkan pelbagai seminar/konferensi diperingkat antarabangsa/kebangsaan. Di antaranya ialah:

- One Day Seminar On Recent Development In Steel Construction
Kajian Kejuruteraan
[4 Januari 1994]
- Seminar Menghadapi Cabaran Di dalam Industri Pakaian/Fesyen/Tekstil Tahun 2020
Kajian Seni Lukis dan Seni Reka
[4 April 1994]
- Persidangan Kebangsaan Perolehan Bahan Perpustakaan - Peluang & Cabaran
Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat
[21 - 23 Jun 1994]
- Seminar ISO 9000 Quality & The Construction Industry in Malaysia
Kajian Kejuruteraan
[16 Julai 1994]

- International Conference on Landslide, Slope Stability And Safety Of Infrastructures
Kajian Kejuruteraan
[14 September 1994]
- Seminar Total Quality Management In Higher Education
Kajian Perniagaan dan Pengurusan
[15 - 16 September 1994]
- Marketing In Hospitality Industry
Kajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan
[30 September 1994]
- Seminar Peranan Ahli Kimia & Jurutera Kimia Dalam Industri Di Malaysia
Kajian Sains Gunaan
[5 Oktober 1994]
- Seminar Mengenai Perancangan Dan Pengurusan Perpustakaan & Pusat Maklumat
Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat
[1 November 1994]



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

Pihak Institut sentiasa berusaha untuk mengeratkan perhubungan dengan pihak luar terutama sekali pihak industri. Perkara ini dianggap penting memandangkan graduan Institut dilahirkan untuk memenuhi keperluan tenaga pekerja pihak industri. Di sepanjang tahun 1994, sejumlah 14 Memorandum Persefahaman telah ditandatangani di antara pihak Institut dengan pelbagai pihak luar iaitu:

- **Jabatan Tenaga Rakyat**
[20 Januari 1994]
- **Kementerian Perusahaan Awam**
[9 Februari 1994]
- **Kelang Container Terminal Bhd**
[5 Julai 1994]

- **Yayasan Pelajar MARA**
[15 Julai 1994]
- **P.T. Astaka Advanced Management Services, Jakarta**
[19 Julai 1994]
- **Yayasan Bumiputra Pulau Pinang**
[31 Julai 1994]
- **Majlis Gabungan Belia Negeri Melaka**
[5 Ogos 1994]
- **Bank Pembangunan**
[18 Ogos 1994]
- **Kolej INPENS**
[19 Ogos 1994]
- **Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang**
[6 Oktober 1994]
- **Malaysian National Insurance Sdn Bhd**
[18 Oktober 1994]
- **Asia Pacific Institute for Broadcasting Development**
[19 Oktober 1994]
- **Kementerian Perusahaan Awam dan Irish Management Institute**
[25 Oktober 1994]
- **RESSCOM Computers and Communication Sdn Bhd**
[15 November 1994]

PERPUSTAKAAN

Dalam usaha Institut untuk menampilkan pelajar dan graduan yang berilmu dan bermaklumat, pihak perpustakaan telah membelanjakan sebanyak RM5.34 juta bagi pembelian buku dan majalah di sepanjang tahun 1994. Di akhir tahun ini, jumlah buku dan risalah di seluruh sistem ITM ialah sebanyak 873,392 naskhah. Dari jumlah ini, 43.5% atau 379,582 naskhah daripadanya ditempatkan di Perpustakaan Tun Abdul Razak, Shah Alam.

Beberapa perkembangan baru telah dilaksanakan oleh pihak perpustakaan di antaranya ialah:

- Penggunaan SISPUKOM.
- Pewujudan suatu koleksi khas untuk CTQE dinamakan Koleksi Kualiti.

- Persiapan yang membolehkan Jaring/Internet beroperasi di PTAR.
- Penggunaan Online Public Access Catalog [OPAC] untuk menyemak bahan buku dan risalah.
- Penggunaan CD-ROM untuk mendapatkan bahan rujukan dalam pelbagai bidang.
- Penggunaan NST-Online untuk berita semasa dan lima tahun kebelakangan.



KEMAJUAN FIZIKAL

Dalam tempoh tahun laporan, Institut terus melaksanakan projek-projek yang telah dirancang untuk peningkatan prasarana dan kemudahan. Di antara projek pembinaan yang dikendalikan ialah:

| | | |
|--|--------------------------|-----------|
| ● Ibu Pejabat Korporat | Pra-kontrak | 30% |
| ● Blok Akademik, Pusat Pendidikan Persediaan | Pembinaan | 100% siap |
| ● Taska dan Tadika ITM | Pembinaan | 100% siap |
| ● Pusat Bahasa Korea | Pembinaan | 93% siap |
| ● Kajian Seni Lukis dan Seni Reka | Pembinaan | 35% siap |
| ● Kajian Sains Matematik dan Komputer | Pembinaan | 33% siap |
| ● Perak [kampus baru] | Pembinaan | 6% siap |
| ● Kelantan [kampus baru] | Pembinaan | 76% siap |
| ● Pulau Pinang [kampus baru] | Dalam proses reka bentuk | |

Di samping projek pembinaan, Pejabat Pembangunan dan Selenggara juga telah ditugaskan untuk mengendalikan pelbagai projek pengubahsuaian dan penyelenggaraan di kampus induk Shah Alam dan kampus-kampus cawangan.

KEWANGAN

Bagi tahun 1994, 92.4% pendapatan Kumpulanwang Pengurusan Institut adalah daripada sumbangan Kerajaan Persekutuan. Sumbangan pada tahun ini berjumlah RM254,396,330 berbanding dengan RM248,707,700 pada tahun 1993. Pendapatan selebihnya ialah RM10,000 dari kerajaan negeri dan RM20,824,921 hasil daripada pelajar, hasil daripada simpanan bank dan sumber-sumber lain. Pecahan sumber pendapatan ini dapat dilihat dalam Rajah 6.

Perbelanjaan institut bagi tahun 1994 berjumlah RM293,502,978. Daripada jumlah ini, RM156,700,449 atau 53.3% merupakan emolumen. Jumlah ini meningkat RM9,980,154 berbanding dengan tahun 1993. Perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM83,169,829 manakala perbelanjaan pemberian dan kenaikan bayaran tetap berjumlah RM20,703,563. Institut juga mengeluarkan RM32,072,526 sebagai pembelian harta tetap. Selebihnya, 0.3% atau RM856,611 merupakan perbelanjaan-perbelanjaan lain. Rajah 7 menunjukkan pecahan peratusan perbelanjaan bagi tahun 1994.

Rajah 8 menunjukkan perbandingan pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 1993 dan 1994. Jumlah pendapatan bagi tahun 1994 ialah RM275,231,251 berbanding dengan RM267,989,502 pada tahun 1993 manakala jumlah perbelanjaan pula ialah RM293,502,978 pada tahun 1994 berbanding dengan RM275,344,630 bagi tahun 1993.

PELAWAT KENAMAAN

Dalam tahun 1994, Institut juga telah menerima beberapa orang pelawat kenamaan. Di antaranya ialah:

- H.E. Madame Liri Berisha
First Lady of Albania
[25 Januari 1994]
- H.E. Madam Pavla Zieleniecová
Isteri Menteri Luar Republik Czechoslovakia
[20 April 1994]
- Y.A.B. Dato' Seri Anwar Ibrahim
Timbalan Perdana Menteri Malaysia
[12 Mei 1994]
[ITM Cawangan Kelantan]
- H.E. Madame Rafia Karoui
First Lady of Tunisia
[26 Mei 1994]

- H.E. Mr. Othmanov Ubaidullah
Timbalan Menteri Republik Uzbekistan
[14 Julai 1994]
- Pengarah-Pengarah
Universiti-universiti Vietnam
[18 Ogos 1994]
- H.E. Mr. Kalus Von Trotha
Menteri Sains dan Teknologi
Wilayah Baden Wurttemberg, Jerman
[4 November 1994]
- H.E. Mr. Iskeli Mataitoga
Solicitor General Fiji
[23 November 1994]

PENGIKTIRAFAN DAN PENGHORMATAN

Tahun 1994 telah menyaksikan beberapa pengiktirafan dan penghormatan kepada pensyarah dan pelajar Institut. Di antaranya ialah:

- Perlantikan sebagai Professor Adjunct
Viva di Russian State Academy of Physical
Education, Moscow
Y. Bhg. Dato' Dr. Sabree Salleh
Pensyarah Kajian Seni Lukis dan Seni Reka
[2 Februari 1994]
- Pemenang 2 Pingat Emas
Salon Culinaire-International Food & Hotel
Exhibition, Singapore
Encik Kamal Md Saad
Pensyarah Kajian Pengurusan Hotel dan
Pelancongan
[20 April 1994]
- Anugerah Darjah Kebesaran Mahkota Terengganu
Y. Bhg. Dato' Dr. Sabree Salleh
Pensyarah Kajian Seni Lukis dan Seni Reka
[30 April 1994]
- Tempat Pertama
Pertandingan Fotografi Kebangsaan Buah-buahan
Malaysia
Encik Mustafa Halabi Haji Azahari
Pensyarah Kajian Seni Lukis dan Seni Reka
[1 Julai 1994]
- Top Prize for Outstanding Design
Noralina bt. Mohd. Ali
Trevor Wilkinson Award, Leeds Metropolitan
University, United Kingdom
Pelajar NCUK/PPP/ITM
[1 Ogos 1994]
- Tempat Pertama
British Steel Competition, United Kingdom
Embong b. Mohamad
Obliza b. Abd. Razak
Lily Susida bt. Ibrahim
Graduan Senibina
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur
[14 September 1994]
- Tawaran Khas oleh POS Malaysia
Merekabentuk setem, sampul surat hari pertama,
cenderamata dan poster sempena
Pertabalan Seri Paduka Baginda
Yang Dipertuan Agung Ke 10
[22 September 1994]
- Perlantikan sebagai Pengarah
Asean-EC Energy Management Research & Train-
ing Center [AEEMTRC], Jakarta
Ir. Dr. Hassan Ibrahim
Pensyarah Kajian Kejuruteraan
[10 Oktober 1994]

MENANGANI TAHUN 1995

Tahun 1994 berlalu sudah. Institut telah memanfaatkannya dengan pelbagai kegiatan dan pencapaian. ITM mara setapak lagi. Sebagai sebuah Institut yang inovatif, kreatif dan proaktif, kita telah mewujudkan CTQE untuk memperkukuh dan memperkuatkan lagi aspek kualiti dalam bidang pendidikan tinggi.

Namun demikian tahun 1995 pastinya akan membawa seribu satu cabaran. Perkataan pengkorporatan semakin menjadi kenyataan. Penubuhan Kajian Kesihatan Bersekutu akan memberi peluang yang luas bagi pelajar bumiputera menceburi dalam bidang profesion kesihatan. Institut juga akan melahirkan graduan pertama dalam bidang Diploma Lanjutan Pentadbiran Korporat dari Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang. Konsep kampus kota akan juga mula diperkenalkan selaras dengan perkembangan Pendidikan Jarak Jauh yang dirancang untuk menggunakan sistem 'video conferencing'.

Persaingan dengan institut pengajian tinggi tajaan swasta semakin bertambah hebat dengan wujudnya beberapa buah lagi institut sedemikian. Oleh itu wajarlah graduan Institut ini dibekalkan bukan sahaja dengan ilmu tetapi dengan daya fikir, daya saing dan daya tahan. Hanya kualiti yang tinggi dalam bidang pengajaran dan pembelajaran sahaja yang akan dapat menentukan pencapaian cita-cita ini.

Sesungguhnya saya akan meneruskan usaha yang lebih gigih untuk meletakkan nama Institut ini di tempat yang


lebih tinggi sebagai satu lambang kejayaan Institut Pengajian Tinggi Bumiputra yang bakal melahirkan insan graduan yang berilmu, beriman dan beriltizam.

Akhirulcalam saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak luar yang telah memberi pelbagai bentuk sokongan dan sumbangan kepada Institut ini dan kepada setiap warga Institut sendiri yang telah menjadi penggerak institusi ini. Semoga segala hasrat dan ikhtiar kita yang luhur ini diberkati Allah S.W.T.


Wassallam.




DATO' IR. HAJI AHMAD ZAIDEE LAIDIN, DPMP, KMN
Dip. in Elect. Eng. [Brighton], M.Sc. Tech. Econ. [Stirling]
P.Eng., F.I.E.M., C. Eng. [UK], M.I.E.E [UK], M.M.S. [UK]
Pengarah




Rajah 1. Penerimaan pelajar mengikut kampus bagi tahun 1994.




Rajah 2. Enrolmen pelajar sepenuh masa mengikut kampus bagi tahun 1994.




Rajah 3. Enrolmen pelajar separuh masa bagi tahun 1994.




Rajah 4. Peratusan graduan mengikut bidang bagi tahun 1994.




Rajah 5. Peraturan graduan mengikut jenis kelulusan bagi tahun 1994.



Rajah 6. Pendapatan mengurus bagi tahun 1994.



Rajah 7. Perbelanjaan mengurus bagi tahun 1994.



Rajah 8. Pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 1993 dan 1994.

***Laporan Kajian/Pusat
dan Kampus Cawangan***

Kajian Perakaunan

Pendahuluan

Pada tahun 1994, kursus-kursus yang ditadbir di bawah Kajian Perakaunan telah dilaksanakan di hampir keseluruhan kampus di ITM. Usaha memperluaskan penawaran kursus ini adalah untuk melatih lebih ramai kaum Bumiputera bagi menampung keperluan tenaga profesional dalam bidang perakaunan di negara ini.

Mulai Januari 1994, kursus Diploma Perakaunan telah ditawarkan semula di kampus ITM Cawangan Melaka dan ITM Cawangan Perak. Manakala ITM Cawangan Sabah mengendalikan semula kursus ini pada semester Julai 1994.

Kajian Perakaunan berbangga di atas pencapaian cemerlang dua orang pelajar Diploma Lanjutan Perakaunan kerana telah dianugerahkan 'Excellence Award For Best Accounting Graduates' oleh Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MACPA). Pelajar-pelajar berkenaan ialah Syed Aznil Syed Ahmad Beg dan Mohd. Rashid Mohamad.

Dalam pertandingan 'Management Games' anjuran Pusat Kursus Luaran, tiga orang pelajar Diploma Lanjutan Perakaunan iaitu Mohd. Kamil Md. Saad, Norashikin Ismail dan Ariffadzilan Hj. Saad telah meraih tempat ketiga.

Dalam usaha memperkenalkan lagi kursus dalam bidang perakaunan, pihak Kajian telah mengadakan Misi Akademik di seluruh negara. Tajuk misi ini ialah Peluang dan Cabaran Profesion Perakaunan. Di samping itu, bengkel Creatif Teaching in Accounting telah dianjurkan untuk pensyarah-pensyarah perakaunan di Hotel ITM pada 7 hingga 8 Februari 1994. Kajian Perakaunan juga berjaya mengadakan kolokium bertajuk Tanggungjawab Keislaman Seorang Ahli Akademik Muslim pada 20 April 1994 di Bilik Pandang Dengar Kajian. Seramai 35 orang pensyarah telah menghadiri sesi ini.

Kursus Yang Dijalankan

Sepenuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|---------------------------------|
| AC 10 | Diploma Perakaunan |
| AC 20 | Diploma Lanjutan Perakaunan |
| AC 20 | Pra-Diploma Lanjutan Perakaunan |

Separuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|--------------------|
| AC 10 | Diploma Perakaunan |

| | |
|-------|---------------------------------|
| AC 20 | Diploma Lanjutan Perakaunan |
| AC 20 | Pra-Diploma Lanjutan Perakaunan |

Panel Penasihat Akademik dan Pemeriksa Luar

Panel Penasihat Akademik

1. YM Raja Arshad b. Rajam Tun Uda
Executive Chairman
(Price Waterhouse)
2. Tuan Hj. Abd. Rahim b. Hamid
Pengurus Besar
Coopers & Lybrand
3. Encik Ab Razak b. Ab Lah
Pensyarah
Universiti Utara Malaysia
4. Tuan Hj. Md. Yusof b. Hussin
Pengurus Besar
Bahagian Perkhidmatan Korporat
Bangunan PNB
5. Encik Mohamed b. Abdul Wahab
Group Internal Auditor
UMW Corporation Sdn. Bhd.
6. Tuan Hj. Abdul Samad b. Hj. Alias
Pengurus Besar
Arthur Anderson & Co.
7. Prof. Madya Dr. Barjoyai b. Bardai
Associate Prof.
Universiti Kebangsaan Malaysia
8. Encik Abdul Halim Mohyiddin
Rakankongsi
KPMG Peat Marwick
9. Encik Mohd. Alam Rahman
Pengurus Besar
Perwira Habib Bank

Pemeriksa Luar

Prof. Mike Harvey
Vice President of the
Chartered Association of
Certified Accountants (ACCA)
South Bank University,
United Kingdom

Pensyarah Pelawat

Mr. David Smith
Dean, School of Accountancy
- Law & Management
University of Huddersfield
United Kingdom

Kajian Seni Lukis dan Seni Reka

Pendahuluan

Satu kejayaan telah ditempa oleh Kajian Seni Lukis dan Seni Reka pada tahun 1994, apabila kursus Master in Art and Design Education telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan. Program berkembar ITM Dan DeMontfort University ini akan dimulakan pada semester Julai 1995.

Di samping itu, Kajian juga telah memajukan cadangan untuk melaksanakan kursus Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Senireka Grafik) di ITM Cawangan Melaka. Sekiranya diluluskan ianya akan dimulakan pada semester Januari 1995.

Bangunan tambahan sedang giat dibina untuk menampung keperluan Kajian. Bangunan ini dijangka dapat digunakan pada pertengahan tahun 1995.

Sepanjang tahun 1994, berbagai-bagai aktiviti telah dilaksanakan oleh Kajian di antaranya ialah:

1. "Seminar Pengajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam Asas I & II", 4 hingga 5 Februari 1994 di ITM, Shah Alam.
2. "Persidangan Pengurusan Akademik", 13 hingga 15 Jun 1994, di ITM, Cawangan Terengganu.
3. "Kursus Asas Komputer", 28 hingga 29 Jun 1994 di ITM, Shah Alam.
4. "Bengkel Penyemakan Semula Kurikulum Mata Pelajaran Pendidikan Islam dan Tamadun Islam (Non-Muslim)", di Air Keroh Country Resort, Melaka pada 15 hingga 17 September 1994.
5. "Seminar Metodologi Pendidikan", di ITM, Shah Alam pada 7 hingga 10 Oktober 1994.
6. "Seminar Dalaman Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah dan Falsafah Sains Islam I & II", Shah Alam pada 6 hingga 8 Disember 1994.
7. "Seminar Dalaman Pengajaran Mata Pelajaran Pentadbiran dan Pengurusan Islam I & II", di ITM, Shah Alam pada 15 hingga 17 Disember 1994.
8. "Seminar Pengukuhan Pengajaran Ekonomi Islam I & II", di ITM Shah Alam pada 15 hingga 17 Disember 1994.
9. "Bengkel Pengajaran Pemikiran Islam Semasa", di ITM, Shah Alam pada 20 hingga 21 Disember 1994.
10. "Bengkel Pengajaran Sejarah & Tamadun Islam", di ITM, Shah Alam pada 20 hingga 21 Disember 1994.
11. "Bengkel Pendidikan Islam Asas I & II", di ITM, Shah Alam pada 20 hingga 21 Disember 1994.
12. "Bengkel Tamadun Islam (Non-Muslim)", di ITM, Shah Alam pada 22 hingga 24 Disember 1994.
13. "Kursus Komputer: Program Ami Pro-Release 3", di ITM, Shah Alam pada 28 hingga 30 Disember 1994.

Kursus Yang Dijalankan

Sepenuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|--------------------------|
| UIS 050 | Pengantar Agama Islam I |
| UIS 060 | Pengantar Agama Islam II |

| | |
|---------|---------------------------------------|
| UIS 080 | Pengantar Agama Islam |
| UIS 055 | Asas Kefahaman Islam |
| UIS 101 | Pendidikan Islam Asas I |
| UIS 151 | Pendidikan Islam Asas II |
| UIS 201 | Pemikiran Islam Semasa |
| UIS 251 | Sejarah & Tamadun Islam |
| UIS 301 | Perundangan Islam I |
| UIS 302 | Ekonomi Islam I |
| UIS 303 | Sejarah & Falsafah Sains Islam I |
| UIS 304 | Pentadbiran Islam I |
| UIS 305 | Pengurusan Makanan & Penginapan Islam |
| UIS 306 | Tradisi Keilmuan Islam I |
| UIS 351 | Perundangan Islam II |
| UIS 352 | Ekonomi Islam II |
| UIS 353 | Sejarah & Falsafah Sains Islam II |
| UIS 354 | Pentadbiran Islam II |
| UIS 356 | Tradisi Keilmuan Islam II |
| TIS 100 | Tamadun Islam I (Sejarah) |
| TIS 150 | Tamadun Islam II (Pemikiran) |
| TIS 200 | Tamadun Islam III (Etik) |
| TIS 250 | Tamadun Islam IV (Perundangan) |
| TIS 300 | Tamadun Islam V (Kenegaraan) |
| TIS 350 | Tamadun Islam VI (Kemanusiaan) |

Panel Penasihat Akademik dan Pemeriksa Luar

Panel Penasihat Akademik

1. Dr. Siddiq Fadhil
Pengerusi Panel Perunding
Institut Kajian Dasar (IKD)
2. Prof. Datuk Syed Othman
Syed Hussain Al-Habshi
Timbalan Ketua Pengarah
Institut Kefahaman Islam
Malaysia (IKIM)
3. Encik Mohd. Alwi Yusoff
Pengarah Pendidikan Islam
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan
Malaysia
4. Encik Mustapha Hamat
Pengurus Besar (Akaun)
Bank Islam Malaysia Berhad
(BIMB)
5. Encik Harun Hashim
Pengurus Besar
Pembangunan Sumber Manusia dan
Perancangan Korporat
Perbadanan Usahawan Nasional
Berhad (PUNB)
6. Prof. Dr. Ismail Mohd. Salleh
Timbalan Ketua Pengarah
Institut Strategik dan Pengajian
Antarabangsa (ISIS)

7. Prof. Madya Dr. Wan Salim Wan Noor
Pensyarah
Pusat Pengajian
Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
(USM)
8. Prof. Dr. Osman Bakar
Pensyarah
Fakulti Sains
Universiti Malaya (UM)
9. Tuan Hj. Zainal Abidin Hj. Abdul Kadir
Ketua Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Islam
Jabatan Perdana Menteri

Pusat Bahasa

Sepanjang tahun 1994, Pusat Bahasa telah dapat memberikan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran bahasa kepada seluruh pelajar ITM termasuk di kampus-kampus cawangan.

Di samping itu Pusat Bahasa juga telah memberi perkhidmatan pengajaran bahasa melalui Kursus Kemahiran Bahasa, Pakej Khas Bahasa dan Kursus Intensif Bahasa.

Kursus Kemahiran Bahasa telah dilaksanakan untuk kakitangan ITM dan juga orang awam. Kuliah dijalankan pada waktu petang dan malam. Manakala Pakej Khas Bahasa telah dikendalikan untuk agensi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), MARA, PETRONAS, RENONG, SIRIM dan Hospital Besar Kuala Lumpur (HBKL).

Jabatan Bahasa Asia dan Eropah, Pusat Bahasa telah mengendalikan Kursus Intensif Bahasa seperti berikut:

- i. Kursus Intensif Bahasa Jerman pada 22 Ogos 1994 hingga 22 September 1994 untuk 16 orang pelajar tajaan JPA yang akan melanjutkan pengajian di Jerman.
- ii. Kursus Intensif Bahasa Peranchis pada 1 September 1994 hingga 30 September 1994 untuk pelajar-pelajar tajaan MARA yang akan melanjutkan pengajian ke Peranchis.
- iii. Kursus Intensif Bahasa Jerman pada 29 Disember 1994 hingga 25 Januari 1995 untuk pelajar tajaan JPA dan PETRONAS untuk melanjutkan pengajian ke Jerman.
- iv. Kursus Intensif Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu pada 14 November 1994 hingga 14 Januari 1995 untuk pelajar-pelajar Uzbekistan tajaan RENONG

yang akan mengikuti kursus Diploma Pengurusan dan Perniagaan di ITM Cawangan Melaka.

- v. Kursus Intensif Bahasa Melayu (SKM 005) pada 5 Disember 1994 hingga 12 Disember 1994 untuk 11 orang pensyarah ITM bagi tujuan pengesahan ke dalam jawatan.

Dalam tahun 1994 juga, Pusat Bahasa telah berjaya menganjurkan bengkel untuk pensyarah-pensyarah Pusat Bahasa termasuk dari kampus cawangan iaitu:

- i. 'Strategic Planning Workshop pada 30 Julai 1994 hingga 2 Ogos 1994 di Regency Hotel, Port Dickson.
- ii. 'Curriculum Review Workshop Post-Graduate Diploma in TESL' pada 14 November 1994 hingga 17 November 1994 di Allison Kelana Resort, Seremban.

Kursus Yang Dijalankan

Sepenuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|------------------------------|
| LC 30 | Pos-Graduate Diploma in TESL |

Pusat Pendidikan Luar

Pendahuluan

Pusat Pendidikan Luar (PPL) yang dipindahkan dari Kampus ITM Jalan Othman, Petaling Jaya pada bulan Disember 1993 mula beroperasi di bangunan lama Kajian Seni Bina, Perancangan dan Ukur. Kuliah telah dijalankan di Kampus Shah Alam.

Walau bagaimanapun pada semesta Julai 1994, Kampus ITM Jalan Othman telah dibuka semula untuk mengendalikan kuliah bagi pelajar-pelajar Diploma Perakaunan, Diploma Pengajian Perniagaan, Diploma Pengurusan Bank dan Diploma Pentadbiran dan Undang-Undang. Untuk memberikan kemudahan kepada pelajar-pelajar di kampus ini PPL telah membuka pejabat keduanya di sini di samping mengadakan perkhidmatan kaunter pada sebelah malam.

Dengan gabungan kakitangan pentadbiran dan akademik seramai 30 orang, PPL telah berjaya melaksanakan aktivitinya disepanjang tahun 1994. Di antaranya aktiviti Hari Silaturrahim untuk pelajar-pelajar baru diawal semester pengajian mereka.

PPL juga telah mengadakan Hari Titian Mesra 1994 pada 18 September 1994 di Taman Pertanian Malaysia Bukit

Cahaya Sri Alam untuk menjalinkan silaturrahim di antara pelajar-pelajar yang sedang mengikuti pelbagai kursus di PPL.

Di dalam usaha untuk membolehkan kakitangan akademik dan pentadbiran bertukar-tukar fikiran, pengalaman demi mempertingkatkan kefahaman tentang falsafah dan peranan Pendidikan Jarak Jauh (PJJ), satu seminar bertajuk Seminar Kebangsaan Era Baru Pembangunan Sumber Manusia di Malaysia: Pendidikan Jarak Jauh telah diadakan pada 27 dan 28 September 1994 di Dewan Sri Budiman, ITM Shah Alam. Seminar ini telah dirasmikan oleh Y.B. Datuk Amar Dr. Sulaiman b. Daud, Menteri Pendidikan Malaysia dan Ucapan Dasar telah disampaikan oleh Prof. Tan Sri Dato' Awang Had Salleh.

Pada 19 hingga 21 Disember 1994 Bengkel 'Design of Written Self-Instructional Materials' telah diadakan di PSPP, ITM, Shah Alam khusus untuk pensyarah ITM yang terlibat dalam penulisan manual PJJ.

Kursus ini telah dikendalikan oleh Prof. Dr. Fred Lockwood dari Open University, Milton Keynes, United Kingdom. Bengkel anjuran bersama PPL, PSPP dan Bahagian Hal Ehwal Akademik ini telah memberi manfaat kepada pensyarah yang terlibat kerana ianya dapat memperbaiki dan meningkatkan mutu pembelajaran program Pendidikan Jarak Jauh di ITM.

Kursus Yang Dijalankan

Separuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|---|
| AC 10 | Diploma Perakaunan |
| AC 20 | Pra Diploma Lanjutan Perakaunan |
| AC 20 | Diploma Lanjutan Perakaunan |
| AL 12 | Diploma Undang-Undang |
| BM 20 | Diploma Lanjutan Pengajian Perniagaan (Pemasaran) |
| CS 09 | Sijil Pengaturcaraan Komputer |
| CS 30 | Diploma Analisa Sistem |
| MC 11 | Diploma Sebaran Am Kewartawanan) |
| MC 12 | Diploma Sebaran Am (Perhubungan Awam) |

Pendidikan Jarak Jauh

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|------------------------------|
| AL 10 | Diploma Pentadbiran Awam |
| BM 11 | Diploma Pengajian Perniagaan |
| BM 12 | Diploma Pengurusan Bank |

Pusat Kursus Luaran

Pendahuluan

Sepanjang tahun 1994, Pusat Kursus Luaran (PKL) telah berjaya mengadakan beberapa aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan pembelajaran serta memupuk semangat kekeluargaan di antara pensyarah, kakitangan pentadbiran dan pelajar-pelajar di Pusat Kursus Luaran. Di antaranya ialah kursus Komputer Microsoft Word dan ACCPAC untuk pensyarah dan kakitangan Pusat Kursus Luaran dan kursus motivasi untuk pelajar-pelajar Pusat Kursus Luaran.

Di samping itu, Pusat Kursus Luaran juga telah berjaya mengadakan Minggu Pusat Kursus Luaran pada 15 Ogos 1994 hingga 19 Ogos 1994. Berbagai-bagai aktiviti akademik seperti kuiz, 'management games', lawatan akademik, pameran dan sukaneka telah dilaksanakan sepanjang minggu tersebut. Di hari penutupan Minggu Pusat Kursus Luaran, bekas Pengarah ITM iaitu Y. Bhg. Tan Sri Arshad Ayub telah berkunjung ke Pusat Kursus Luaran dan beliau telah menyampaikan ceramah motivasi kepada pensyarah dan pelajar Pusat Kursus Luaran.

Pusat Kursus Luaran juga menerima kunjungan Presiden CIMA (Malaysia dan U.K) dan Presiden ACCA (Malaysia dan U.K). Ini jelas menunjukkan pengiktirafan kepada Pusat Kursus Luaran.

Keupayaan pensyarah Pusat Kursus Luaran bukan hanya dalam bidang akademik tetapi juga kreatif dalam menulis slogan. Buktinya Cik Junaidah A. Manap, pensyarah Pusat Kursus Luaran telah memenangi hadiah saguhati dalam pertandingan menulis slogan Hari Kebangsaan 1994.

Kursus Yang Dijalankan

Sepenuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|-------------------|---|
| CIMA | The Chartered Institute of Management Accountants |
| ACCA | The Chartered Association of Certified Accountants |
| MACPA | Malaysian Association of Certified Public Accountants |
| ICSA | The Institute of Chartered Secretaries and Administrators |

Pusat Sistem Maklumat Bersepadu

Pendahuluan

Adalah menjadi matlamat Pusat Sistem Maklumat Bersepadu (PSMB) agar kesemua sistem maklumat yang telah dibangunkan dan akan dibangunkan di ITM mestilah secara bersepadu. Dengan lain perkataan ianya akan mewujudkan suatu suasana di mana seseorang pengguna itu boleh dengan mudahnya mendapatkan maklumat yang dibenarkan bagi setiap sistem aplikasi melalui setiap terminal.

Di samping itu, pusat ini juga bertanggungjawab menentukan bahawa semua Kajian di Shah Alam dan Kampus Cawangan mempunyai kemudahan komputer yang mencukupi bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran demi melahirkan lulusan yang berpengetahuan teknologi maklumat.

Staf

Bilangan staf yang berkhidmat di Pusat ini ialah seramai 95 orang termasuk 16 orang staf kontrak dan 2 orang staf harian dan sambilan.

Dua orang staf yang bercuti belajar iaitu seorang Pegawai Perangkaan dan Pengatur Program Komputer telah kembali bertugas. Manakala seorang Juruanalisis System sedang melanjutkan pengajian.

Seramai 7 orang staf termasuk tiga orang staf kontrak/harian telah menamatkan perkhidmatan mereka di ITM.

Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC)

Pendahuluan

Pada tahun 1994, Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC) masih meneruskan usaha mengendalikan rancangan pendidikan, penyelidikan dan penyelenggaraan Khidmat Perunding Keusahawanan sesuai dengan matlamat penubuhannya iaitu:

- i) Untuk melahirkan dan membangunkan usahawan bumiputera yang berilmu serta mempunyai ciri-ciri keusahawanan dan membolehkan mereka bergiat dengan lebih berkesan.
- ii) Untuk membangunkan enterprais bumiputera yang berdaya maju dan mampu bersaing dalam perdagangan dan perindustrian.

- iii) Untuk membangunkan prasarana pengajian keusahawanan yang unggul.

Di samping itu, MEDEC juga dengan kerjasama Irish Management Institute, telah menjalankan Program Usahawan Berjaya Utama. Program ini adalah dibiayai oleh Kementerian Perusahaan Awam.

Program Yang Dikendalikan

1. Jabatan Latihan Keusahawanan

- i) Program Pembangunan Keusahawanan (EDP)
- ii) Program Skim Galakan Kakitangan Kerajaan (A,B,C & D)
- iii) Kursus Jurulatih Keusahawanan, Motivasi dan Perundingan

2. Jabatan Pendidikan Keusahawanan

- i) Kursus Keusahawanan Intensif (KKI)
- ii) Asas Keusahawanan (ETR300)
- iii) Kembara Usahawan (KEMUSA)
- iv) Program Jurulatih Pensyarah ETR300
- v) Ekspo Keusahawanan
- vi) Seminar Keusahawanan

3. Jabatan Sumber dan Maklumat

- i) Pengumpulan Maklumat Keusahawanan
- ii) Pameran Keusahawanan
- iii) Penerbitan Keusahawanan

4. Jabatan Pembangunan Enterprais

- i) Program Susulan
- ii) Kursus Peningkatan Perniagaan
- iii) Khidmat Nasihat dan Perundingan Perniagaan
- iv) Program Galakan Keusahawanan
- v) Penyelidikan
- vi) Seminar Sehari
- vii) Kolokium Tahunan MEDEC

Kursus Yang Dijalankan

Sepenuh Masa

| Kursus | Tempoh Kursus |
|--|---|
| 1. EDP 94 (Umum) | 1.1.94 - 9.2.94 |
| 2. EDP 95 (Umum) | 1.1.94 - 9.2.94 |
| 3. EDP 96 (Kontraktor) | 16.5.94 - 16.6.93 |
| 4. EDP 97 (Kelantan) Modul I modul II | 26.9.94 - 27.9.94 1.10.94 - 2.10.94 |
| 5. EDP 98 (Umum) | 3.10.94 - 12.11.94 |
| 6. EDP 100 (WIFP12) | 8.8.94 - 30.9.94 |
| 7. EDP 101 (Johor) | 3.11.94 - 1.12.94 |
| 8. EDP 102 (Sabah) | 7.11.94 - 9.12.94 |
| 9. KKI Siri ke-8 | 20.12.94 - 9.2.94 |
| 10. KKI Siri ke-9 | 16.6.194 - 13.8.94 |
| 11. KKI Siri ke-10 | 28.11.94 - 21.1.95 |
| 12. Skim Perniagaan Bagi Kakitangan Kerajaan Siri ke-12 | 16.8.94 - 16.12.94 |
| 13. Seminar Susulan Sehari UPEN Selangor | 16.8.94 |
| 14. Bengkel Kecemerlangan Usahawan Wanita - Siri Pengurusan Kewangan Strategik | 11.10.94 - 13.10.94 |

Separuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|------------------------|
| KMS 106 | Ko-KEMUSA (Bahagian 1) |
| KMS 156 | Ko-KEMUSA (Bahagian 2) |
| KMS 206 | Ko-KEMUSA (Bahagian) |

Biroteks

Pendahuluan

Mulai bulan Januari 1994, pentadbiran BIROTEKS diterajui oleh Ketua yang baru iaitu Dr. Nor Khomar Haji Ishak, Pensyarah Kanan dari Kajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan.

Program-program yang telah dijalankan dalam tahun 1994 adalah seperti berikut:

1. Bengkel Perancangan Strategik BIROTEKS

Bengkel ini telah dijalankan selama tiga hari mulai 20 Mac hingga 23 Mac 1994 bertempat di Plaza Inn, Melaka. Tujuannya ialah untuk merangka rancangan jangka panjang serta menilai kembali keseluruhan matlamat dan halatuju BIROTEKS Ke arah merealisasikan wawasan 2020. Bengkel ini dihadiri oleh kakitangan pengurusan BIROTEKS yang terdiri daripada Ketua, Koordinator, Pegawai Penterjemah dan Pegawai Eksekutif. Hasil daripada bengkel ini BIROTEKS telah dapat menyediakan Cadangan Pelan Operasi Biro Penerbitan ITM yang akan dibentangkan kepada pihak pengurusan ITM untuk mendapatkan kelulusan pelaksanaannya.

2. Sesi Bimbingan Penerbitan Dan Promosi Jualan Buku

Sesi bimbingan penerbitan kepada pensyarah-pensyarah di semua kampus cawangan telah dijalankan serentak dengan promosi jualan buku terbitan BIROTEKS pada tarikh-tarikh berikut:

| Kampus | Tarikh |
|---------------------|--------------------|
| Cawangan Johor | 20 - 21 Julai 1994 |
| Cawangan Melaka | 22 - 23 Julai 1994 |
| Cawangan Kelantan | 24 - 25 Julai 1994 |
| Cawangan Terengganu | 27 - 28 Julai 1994 |
| Cawangan Perlis | 28 - 29 Julai 1994 |
| Cawangan Perak | 1 - 2 Ogos 1994 |
| Cawangan Pahang | 15 - 16 Ogos 1994 |
| Cawangan Sabah | 24 - 25 Ogos 1994 |
| Cawangan Sarawak | 7 - 8 Ogos 1994 |

Sementara promosi jualan buku di kampus Shah Alam dijalankan pada 18 Julai hingga 30 Ogos 1994.

Sesi bimbingan penerbitan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumbalas daripada para pensyarah di kampus cawangan terhadap program taklimat BIROTEKS yang telah dijalankan dalam tahun 1993 di samping memberi bimbingan dan nasihat mengenai penerbitan

kepada pensyarah yang berminat menghasilkan penerbitan ilmiah melalui BIROTEKS. Manakala promosi jualan buku adalah bertujuan untuk mengurangkan stok buku-buku terbitan BIROTEKS terutamanya yang mengalami masalah pasaran. Melalui program ini juga kursus-kursus yang dianjurkan oleh BIROTEKS dapat diperkenalkan kepada pensyarah-pensyarah iaitu seperti kursus penterjemahan, penulisan, penyuntingan dan DTP (Desk-Top Publishing).

3. Jenis Penerbitan BIROTEKS

Pada tahun 1994, BIROTEKS telah mempelbagaikan jenis penerbitan dan tidak hanya tertumpu kepada buku teks dan buku rujukan sahaja. Pensyarah-pensyarah boleh menghasilkan penerbitan dalam kategori-kategori penerbitan seperti berikut:

- i. Buku Teks (Karya Asal/Karya Terjemahan)
- ii. Buku Rujukan Utama (Karya Asal/Karya Terjemahan)
- iii. Buku Kerja
- iv. Manual/Buku Panduan
- v. Monograf
- vi. Jurnal
- vii. Penerbitan lain seperti buku pengukuhan minda, siri contoh soalan dan jawapan bagi kertas peperiksaan tahun-tahun lalu, prosiding kertas kerja seminar dsb.

Tujuan BIROTEKS mempelbagai jenis penerbitan ialah supaya lebih ramai pensyarah berminat untuk menghasilkan penerbitan yang dapat digunakan oleh pelajar-pelajar ITM terutamanya dalam bahasa Malaysia.

4. Buku Terbitan Tahun 1994

Sepanjang tahun 1994, BIROTEKS hanya dapat menerbitkan empat judul buku iaitu:

| Judul | Pengarang |
|--|---|
| 1. Quickstep To English I | Kumpulan Pensyarah Pusat Bahasa |
| 2. Pembinaan Bangunan Di Kawasan Beriklim Panas (Terjemahan) | Mohd Hisham Ariffin |
| 3. Pendekatan Pendapatan Kepada Penilaian Harta Tanah (Terjemahan) | Sariah Ibrahim |
| 4. Matematik Perniagaan | Mohd Alias Lazim Azizah Murad Wan Hartini Wan Hassan |

Pusat Sumber Pengajaran dan Pembelajaran

Pendahuluan

Sepanjang tahun 1994, Pusat Sumber Pengajaran dan Pembelajaran (PSPP) masih meneruskan fungsi utamanya iaitu mengadakan latihan untuk kakitangan akademik Institut dalam usaha meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.

Latihan

Pada tahun ini juga PSPP telah berjaya menganjurkan 25 kursus termasuk 2 kumpulan Kursus Asas Pengajaran yang dihadiri seramai 900 orang kakitangan akademik di seluruh ITM.

Kursus-kursus yang dianjurkan adalah seperti berikut:

| Tujuan | Tarikh |
|--|-----------------------|
| 1. 'How to Improve Your Academic Reading Skills' | 13/4/1994 |
| 2. Kursus Terbuka: Strategi Motivasi Dalam Kuliah | 27/4/1994 |
| 3. Seminar Fasilitator USPP/PSPP | 28/5/1994 |
| 4. Kursus Asas Pengajaran | 30/5/1994 - 17/6/1994 |
| 5. Kursus Asas Pengajaran | 6 - 18/6/1994 |
| 6. Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Berbantuan Komputer | 23 - 25/6/1994 |
| 7. 'Self Directed Learning' | 27/6 - 1/7/1994 |
| 8. Kursus Kemahiran Mengajar (Student Base Teaching) Kajian Kejuruteraan | 5 - 6/7/1994 |
| 9. Bengkel Pengajaran Ekonomi Islam II | 27 - 29/6/1994 |
| 10. ITM AUC Conference | 12 - 14/7/94 |
| 11. 'Introduction to Programming XD - A | 3 - 4/8/1994 |

Tool for Developing Computer Aided Instruction Modules'

| | |
|--|-------------------|
| 12. Kursus 'Simulation & Animation with PRO Model PC' | 29 - 30 Ogos 1994 |
| 13. Program EXCEL Perlis | 10 - 13/9/1994 |
| 14. Program EXCEL Terengganu | 15 - 18/10/1994 |
| 15. Kursus Asas Pengajaran | 29/11 - 9/12/1994 |
| 16. Seminar Dalaman Pengajaran Mata Pelajaran Pentadbiran dan Pengajaran Islam UIS 304/305 | 1 - 3/12/1994 |
| 17. Seminar Dalaman Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah & Falsafah Islam I dan II | 6 - 8/12/1994 |
| 18. Seminar MOSAIC | 6 - 8/12/1994 |
| 19. Program EXCEL Pahang | 12 14/12/1994 |
| 20. Bengkel Pembelajaran dan Pengajaran Matematik | 12 - 13/12/1994 |
| 21. Kursus Penghayatan Sains Matematik | 13 - 15/12/1994 |
| 22. Forum Mempopularkan Matematik | 15/12/1994 |
| 23. Kursus Object-Oriented Programming C++ | 19 - 12/12/1994 |
| 24. 'Design of Written Self-Instructional Material' | 19 - 21/12/1994 |
| 25. Bengkel Pengajaran Tamadun Islam TIS (Non Muslim) | 22 - 24/12/1994 |

Perkhidmatan Lain

Selain daripada menjalankan latihan, PSPP juga menyediakan perkhidmatan rekabentuk grafik, kemudahan Perpustakaan Sumber dan perkhidmatan Pandang Dengar serta rakaman video.

Pusat Computer Aided Design/ Engineering/Manufacturing (CADEM)

Pendahuluan

Pusat CADEM yang ditubuhkan pada 1 Oktober 1991, masih meneruskan aktivitinya sepanjang tahun 1994 iaitu merangkumi pengajaran, khidmat perundingan dan penyelidikan dalam bidang rekabentuk, kejuruteraan dan pembuatan bantuan komputer (CAD/CAE/CAM).

Sepanjang tahun 1994, Pusat ini telah menerima pelawat-pelawat dalam dan luar negara seperti Russia, United Kingdom, German, Myanmar dan Jepun.

Beberapa kursus jangka pendek telah dilaksanakan oleh Pusat ini. Di antaranya ialah C Programming Language, UNIX, IDEAS drafting, IDEAS Solid Modelling, VISULA - analog and digital electronic simulation, ANSYS - finite element analysis dan CAD/CAM - introduction and understanding.

Pusat ini juga terlibat dalam aktiviti penyelidikan seperti berikut:

- i. CNC Machine (pilot study)
- ii. AMOS (Automated Meteorological Observation System)
- iii. GPIB Control of HP54600
- iv. RS232 Control of Digital Multimeter
- v. Retrofitting CNC Machine
- vi. Triaxoal Soil Testing System
- vii. Data Acquisition System for Strain Stress Analysis

Kursus Yang Dijalankan

Sepenuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|--|
| EN 20 | Diploma Lanjutan Kejuruteraan Awam |
| EN 23 | Diploma Lanjutan Kejuruteraan Mekanikal |
| AD 14 | Diploma Seni Lukis dan Seni Reka (Seni Reka Perindustrian) |

Pusat Pengajian Pengangkutan Malaysia

Pendahuluan

Pusat Pengajian Pengangkutan Malaysia (MACTRANS) telah menjalankan pelbagai aktiviti sepanjang tahun 1994. MACTRANS mampu melakukan ini semua walaupun menghadapi kesukaran mendapatkan 'dedicated support' dari pensyarah-pensyarah pengangkutan dari lima (5) Kajian iaitu Perniagaan dan Pengurusan,

Kejuruteraan, Seni Bina, Perancangan dan Ukur, Hotel dan Pelancongan dan Sains, Matematik dan Komputer. Di antara aktiviti-aktiviti tersebut ialah:

1. Perundingan

- a) Kajian kemungkinan memperkenalkan Perkhidmatan Bas Mini di Johor Bahru
- b) Kajian kemungkinan bagi Li-Foong Development Berhad untuk memperkenalkan Perkhidmatan Bas di Cheras
- c) Kajian kemungkinan mengalihkan Perkhidmatan Bas mini dari Kuala Lumpur.

2. Kajiselidik

- a) 'Traffic Count Cordon Survey' di Kuantan
- b) 'Traffic Count Cordon Survey' di Kelana Jaya, Damansara Utama

3. Keanggotaan Komiti Kerja

- a) Aerospace Committee di MIGHT, Jabatan Perdana Menteri
- b) Automotive Committee di MIGHT, Jabatan Perdana Menteri
- c) Technical Committee, Traffic Study in Malaysia
- d) Working Committee, Urban Transport Position Paper 1995
- e) Coordinator, National Standard Trading Conditions, Ministry of Transport
- (f) Working Committee, Development of Freight Forwarding Industry in Malaysia, Ministry of Transport.

4. Bengkel

- a) Kursus 'Research Methodology Course' untuk Pensyarah-pensyarah ITM
- b) Siri Bengkel Polisi dan Praktis Pengangkutan
 - Risk Management in the Road Haulage Industry
 - Quality in Public Transportation
 - Information Technology in Transport

5. Pangkalan Data/Software Programmes

MACTRANS dengan kerjasama Kajian Sains Matematik dan Komputer telah menyiapkan pangkalan data untuk Pengangkutan Udara di Malaysia. Pangkalan data (relational) bagi seluruh pengangkutan akan siap pada Julai 1995. MACTRANS telah menyediakan Transport Planning Programme bertajuk 'EMME/2' untuk kegunaan akademik dan penyelidikan.

ITM Cawangan Perlis

Pendahuluan

ITM Cawangan Perlis giat meneruskan aktivitinya sepanjang tahun 1994 seperti yang dilaksanakan pada tahun lalu. Aktiviti-aktiviti tersebut meliputi aktiviti akademik dan bukan akademik.

Pembangunan staf dan pelajar merupakan program yang dititikberatkan oleh pengurusan kampus ini demi memantapkan ilmu pengetahuan mereka. Beberapa kursus dan bengkel telah dilanjutkan.

Di antaranya ialah:

1. Bengkel Kemahiran Belajar untuk pelajar-pelajar bagi pada 3 hingga 4 Januari 1994.
2. Ceramah: Japanese Management From The Practical Perspective pada 26 Februari 1994.
3. Kursus Pengucapan Awam pada 16 hingga 17 April 1994.
4. Bengkel latihan untuk pensyarah-pensyarah mata pelajaran Asas Keusahawanan (ETR) pada 21 Jun 1994.
5. Bengkel Pembelajaran dan Pengajaran Matematik Berbantuan Komputer pada 23 Jun 1994.
6. Bengkel Microsoft Word With Equation Editor pada 27 Ogos 1994.
7. Bengkel Pengurusan Rekod pada 29 Ogos 1994.
8. Bengkel Statistik Dalam Penyelidikan pada 8 Disember 1994.

Kampus ini telah dikunjungi oleh Y. Bhg. Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman Arshad, Pengerusi Majlis ITM pada 16 Mei 1994.

Hari Keluarga Peringkat ITM telah diadakan di ITM Cawangan Perlis pada 21 Ogos 1994. Keluarga ITM dari kampus-kampus cawangan ITM telah berhimpun di kampus ini untuk merayakan Hari Keluarga yang pertama kali diadakan di luar kampus Shah Alam.

Kursus Yang Dijalankan

Sepenuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|------------------------------|
| AS 10 | Diploma Pengurusan Ladang |
| AC 10 | Diploma Perakaunan |
| BM 11 | Diploma Pengajian Perniagaan |

| | |
|-------|--|
| BM 12 | Diploma Pengurusan Bank |
| AS 19 | Diploma Sains |
| KP 04 | Pra Perdagangan |
| KP 08 | Pra Sains |
| EN 10 | Diploma Kejuruteraan Awam |
| EN 11 | Diploma Kejuruteraan (Elektronik) |
| EN 12 | Diploma Kejuruteraan Elektrik (Kuasa) |
| EN 13 | Diploma Kejuruteraan Elektrik (Mekanikal) |
| EN 14 | Diploma Ukur Tanah |
| EN 15 | Diploma Kejuruteraan Elektronik (Peralatan) |
| EN 16 | Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Perkilangan) |

Sepuluh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|------------------------------|
| BM 11 | Diploma Pengajian Perniagaan |
| BM 12 | Diploma Pengurusan Bank |
| AL 10 | Diploma Pentadbiran Awam |

ITM Cawangan Sabah

Pendahuluan

Sepanjang tahun 1994, ITM Cawangan Sabah masih meneruskan pengendalian aktivitinya seperti tahun lalu. Kursus Diploma Perakaunan (AC10) yang dahulunya diberhentikan telah diwujudkan semula di kampus ini pada semester Julai 1994 dengan bilangan pelajar seramai 52 orang.

Dalam usaha untuk meningkat dan memantapkan pengetahuan kakitangan dan pelajar kampus ini, ITM Cawangan Sabah telah menganjurkan sesi kursus dan seminar. Di antaranya ialah:

- i) Kursus Perhubungan Awam di kampus ITM Cawangan Sabah (Sesi 1 pada 24 hingga 25 Mei 1994 dan Sesi 2 pada 26 hingga 27 Mei 1994).
- ii) Forum Perdana - 'Isu Universiti Sabah: Antara Harapan Dan Realiti Cabaran' di ITM Cawangan Sabah pada 15 Julai 1994.
- iii) Kursus Kaunseling di Hotel Perkasa Tenom pada 15 hingga 17 Julai 1994.
- iv) Kursus Perkhidmatan Pelanggan Berkualiti di Mariner Hotel Labuan pada 2 hingga 4 Oktober 1994.

Kampus cawangan ini juga telah menerima lawatan daripada orang-orang kenamaan seperti berikut:

- i) Y. Bhg. Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman Arshad, Pengerusi Majlis ITM pada 23 Jun 1994.

- ii) Y.B. Datuk Sri Panglima Joseph Kurup, Timbalan Ketua Menteri Sabah, sempena Program Forum Perdana pada 15 Julai 1994.
- iii) Y.B. Datuk Wences Angang, Pembantu Menteri kepada Menteri Pembangunan Perindustrian sempena program MEDEC pada 9 Disember 1994.

Kursus Yang Dijalankan

Sepenuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|------------------------------|
| AL 10 | Diploma Pentadbiran Awam |
| AC 10 | Diploma Perakaunan |
| BM 11 | Diploma Pengajian Perniagaan |
| BM 12 | Diploma Pengurusan Bank |
| SS 10 | Diploma Sains Kesetiausahaan |
| KP 03 | Pra Perdagangan |
| KP 08 | Pra Sains |

Sepuluh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|--------|
|------------|--------|

Pengajian Jarak Jauh

| | |
|-------|------------------------------|
| AL 10 | Diploma Pentadbiran Awam |
| BM 11 | Diploma Pengajian Perniagaan |
| BM 12 | Diploma Pengurusan Bank |

Kajian Luar Kampus

| | |
|-------|------------------------------|
| AL 10 | Diploma Pentadbiran Awam |
| BM 11 | Diploma Pengajian Perniagaan |

ITM Cawangan Sarawak

Pendahuluan

Mulai semester Januari 1994, ITM Cawangan Sarawak telah diberi kelulusan untuk memulakan kursus Diploma Pentadbiran Awam. Seramai 45 orang pelajar telah mendaftar bagi kursus ini.

Sepanjang tahun 1994, tiada pembangunan fizikal yang dilakukan di kampus ini. Ini adalah kerana kampus ini akan dipindahkan ke kampus tetap di Kota Samarahan. Kerja-kerja pembersihan dan penyediaan tapak sedang giat dilaksanakan.

Pada tahun ini juga Persidangan Akademik ITM Ke-5 telah berlangsung di Santubong Beach Resort, Kuching, Sarawak iaitu pada 2 hingga 6 September 1994. Seramai 300 orang pensyarah dan pentadbir telah menyertai persidangan yang bertemakan "Paradigm Shifts, Issues, Perspectives and Options". Persidangan ini telah dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri Sarawak.

Pada 17 Ogos 1994, Sistem Perpustakaan Berkomputer (SISPUKOM) telah dilancarkan di kampus cawangan ini. Majlis perasmiannya telah dilakukan oleh Y.B Datuk Abang Haji Abdul Rahman Zohari Tun Haji Openg, Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak.

Kursus Yang Dijalankan

Sepenuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|--|
| AL 10 | Diploma Pentadbiran Awam |
| AC 10 | Diploma Perakaunan |
| BM 11 | Diploma Pengajian Perniagaan |
| BM 12 | Diploma Pengurusan Bank |
| SS 10 | Diploma Sains Kesetiausahaan |
| KP 03 | Pra Perdagangan |
| KP 08 | Pra Sains |
| HC 07 | Sijil Perkhidmatan Hotel dan Restoran (Tukang Masak) |
| HC 08 | Sijil Perkhidmatan Hotel dan Restoran (Penyambut Tamu) |

Sepuluh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|--------|
|------------|--------|

Pengajian Jarak Jauh

| | |
|-------|------------------------------|
| AL 10 | Diploma Pentadbiran Awam |
| BM 11 | Diploma Pengajian Perniagaan |
| BM 12 | Diploma Pengurusan Bank |

Pengajian Luar Kampus

| | |
|-------|-------------------------------|
| AC 20 | Diploma Lanjutan Perakaunan |
| AC 10 | Diploma Perakaunan |
| CS 09 | Sijil Pengaturcaraan Komputer |

ITM Cawangan Terengganu

Pendahuluan

Mulai Januari 1994 dua buah kursus daripada Kajian Pengurusan Hotel dan Pelancongan telah dimulakan di kampus ini. Kursus-kursus tersebut ialah Diploma Pengurusan Hotel (HC10) dan Diploma Latihan Chef (HC14). Kursus-kursus berkenaan telah menambah kursus-kursus dalam bidang perhotelan dan pelancongan di peringkat sijil yang sedia ada di kampus ini.

Dalam tahun 1994, beberapa projek pembinaan sedang dilaksanakan termasuk pembinaan asrama tambahan, blok akademik, rumah Pengetua dan rumah Timbalan Pengetua. Projek pembinaan ini dijangka siap pada tahun 1995.

Pada tahun 1994 ini juga ITM Cawangan Terengganu berbangga di atas kejayaan yang dicapai oleh pelajar

dan kakitangannya. Dalam perayaan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Terengganu, Kumpulan Brass Band ITM Terengganu telah berjaya menyandang Naib Johan dalam perbarisan pasukan pancaragam. Manakala Komander Kesatria ITM Terengganu pula meraih tempat ketiga dalam acara perbarisan beruniform.

Dalam acara sukan pula pasukan bola jaring ITM Terengganu menyandang naib johan dalam kejohanan bola jaring bawah 21 tahun Negeri Terengganu. Manakala pasukan pendayung wanita ITM Terengganu berjaya menjadi johan dan naib johan dalam pertandingan kayak sempena pesta Pekan Budaya Daerah Dungun. Dalam kejohanan catur tertutup Negeri Terengganu dan takraw terbuka Piala ADUN Kemasek Felda Kerteh 5, pasukan ITM Terengganu masing-masing meraih tempat kedua.

Dalam Expo Pembangunan Negeri Terengganu yang telah diadakan pada 31 Oktober hingga 8 November 1994, gerai ITM Terengganu berjaya menduduki tempat ketiga gerai terbaik sektor badan berkanun.

Kursus Yang Dijalankan

Sepenuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|---|
| AC 10 | Diploma Perakaunan |
| BM 11 | Diploma Pengajian Perniagaan |
| BM 12 | Diploma Pengurusan Bank |
| CS 10 | Diploma Komputer Sains |
| HC 10 | Diploma Pengurusan Hotel |
| HC 14 | Diploma Latihan Chef |
| HC 06 | Sijil Hotel dan Restoran (Pengemasan) |
| HC 07 | Sijil Hotel dan Restoran (Pramusaji) |
| HC 08 | Sijil Hotel dan Restoran (Penyambut Tamu) |
| HC 09 | Sijil Hotel dan Restoran (Tukang Masak) |

Separuh Masa

Pengajian Luar Kampus

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|------------------------------|
| AL 10 | Diploma Pentadbiran Awam |
| BM 11 | Diploma Pengajian Perniagaan |
| BM 12 | Diploma Pengurusan Bank |

ITM Cawangan Johor

Pendahuluan

Sepanjang tahun 1994, ITM Cawangan Johor telah berjaya melaksanakan aktiviti khidmat masyarakat kepada masyarakat setempat khasnya dan masyarakat di negeri Johor amnya. Usaha ini adalah bertujuan untuk membantu membangunkan masyarakat bagi mencapai wawasan negara dan mengeratkan hubungan dengan masyarakat di sekeliling.

Peranan ITM Cawangan Johor akan terus dipertingkatkan terutamanya dalam bidang khidmat konsultansi perindustrian dan industri kecil dan sederhana (IKS). Di samping itu, khidmat masyarakat akan diteruskan. Di antaranya ialah:

1. Seminar Peniaga-Peniaga Kecil Melayu.
2. Seminar Keibubapaan Cemerlang peringkat Negeri Johor.
3. Seminar Kaunseling Guru-Guru Kaunseling peringkat Sekolah-Sekolah Negeri Johor.
4. Kursus Keusahawanan untuk staf Johore Tenggara Oil Palm (JTOP) anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ).

Pada tahun 1994, kampus Johor telah memulakan pembinaan bangunan Dewan Besar, Perpustakaan dan Pusat Sumber Pengajaran dan Pembelajaran. Bangunan-bangunan ini dijangka siap pada pertengahan tahun 1995.

Dengan kerjasama KEMAS, ITM Cawangan Johor telah menubuhkan sebuah Tadika untuk anak-anak kakitangan di peringkat pra-sekolah. Di samping itu, Tadika ini juga menyediakan khidmat asuhan kanak-kanak bagi anak-anak kakitangan yang masih kecil.

Kursus Yang Dijalankan

Sepenuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|------------------------------|
| BM 11 | Diploma Pengajian Perniagaan |
| BM 12 | Diploma Pengurusan Bank |
| BM 14 | Diploma Analisis Pelaburan |
| AC 10 | Diploma Perakaunan |

Separuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|------------------------------|
| AL 10 | Diploma Pentadbiran Awam |
| BM 11 | Diploma Pengajian Perniagaan |
| BM 12 | Diploma Pengurusan Bank |

ITM Cawangan Melaka

Pendahuluan

ITM Cawangan Melaka yang telah berpindah ke kampus tetapnya di Km. 26, Jalan Lendu Alor Gajah, Melaka pada bulan Oktober 1993 meneruskan aktiviti di sepanjang tahun 1994 di kampus ini.

Pada peringkat awalnya kampus ini mengalami masalah sistem komunikasi. Walau bagaimanapun, ianya telah dapat diatasi setelah sistem Centrex dibekalkan dengan kapasiti 300 sambungan.

Bagi tujuan mengindahkan kampus ini, ITM Cawangan Melaka memberi tumpuan kepada projek landskap dan senitaman.

Sepanjang tahun 1994, ITM Cawangan Melaka telah berjaya melaksanakan aktiviti seperti berikut:

1. "Perayaan Sedekad Bersamamu" sempena menyambut 10 tahun penubuhan ITM Melaka. Sambutan diadakan bermula dari 4 sehingga 11 Ogos 1994 (7 hari) yang dirasmikan oleh YB Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, Menteri Undang-Undang Malaysia. Di antara aturcara yang dijalankan ialah Seminar Dunia Maju, Hari Q ITM Melaka, Hari Terbuka ITM Melaka, 'Home Coming Dinner' iaitu sempena penubuhan Persatuan Bekas Pelajar ITM Melaka dan Sukan Antara Kursus.
2. Pada 14 November 1994 YAB Datuk Mohd. Zin Abdul Ghani, Ketua Menteri Melaka telah datang melawat ITM Melaka. Beliau telah diiringi oleh YB Datuk Abu Zahar Hj. Isnin, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sungai Rambai dan Tuan Hj. Othman b. Abd. Rashid Pegawai Daerah Alor Gajah.

Selain daripada melawat kawasan kampus YAB juga telah menyaksikan acara penyerahan tugas Pengetua Dr. Baharuddin Hj. Aziz kepada Pengetua yang baru Dr. Ibrahim Kamal b. Abdul Rahman.
3. Seramai 35 orang pelajar dari Persatuan Photography (FLASH) ITM Melaka telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Padang Sumatera Barat pada 1 sehingga 10 Disember 1994. Mereka telah diiringi oleh dua (2) orang Timbalan Pengetua dan seorang pensyarah. Sambutan yang diberikan amatlah meriah termasuk persembahan kesenian dan kebudayaan tempatan.
4. Di samping aktiviti-aktiviti di atas ITM Melaka juga telah membuat beberapa kaji selidik bagi kegunaan Kerajaan Negeri Melaka di antaranya ialah:
 - a. Kajian Taraf Kebajikan Pekerja Industri Perkilangan di Negeri Melaka pada 28 Ogos hingga 3 September 1994 untuk kerajaan Negeri Melaka.
 - b. Kajian Arah Aliran Pemikiran Pengundi - Generasi Muda (Belia) - untuk Majlis Gabungan Belia Melaka.
 - c. Membentuk Satu Model Untuk Mengkaji Keberkesanan Mengenai Bantuan bagi Negeri Melaka untuk Jabatan Agama Islam Melaka.
 - d. Pendedahan/Utilization of Financial Instrument: A Card Study of Bank Islam Malaysia Berhad.
 - e. The Role of Insurance Companies in Complementing Social Security Services in The Manufacturing Sector in Melaka Tengah.

5. Beberapa program penyelidikan sedang dijalankan oleh Pensyarah iaitu:

- a. Determinants of Financial Strategy of Malaysian Bank Which Interest Free Scheme.
- b. Wanita Dalam Pengurusan Korporat Satu Model Untuk Peningkatan Dalam Kerjaya Profesional Melaka.
- c. Do Students Fully Realise Their Inherent Qualities For Goal Achievement : Good Self-Image, Positive Mental Attitude and High Expectations.

Kursus Yang Dijalankan

Sepenuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|------------------------------|
| AL 10 | Diploma Pentadbiran Awam |
| BM 11 | Diploma Pengajian Perniagaan |
| BM 12 | Diploma Pengurusan Bank |
| MC 10 | Pra Diploma Sebaran Am |

Separuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|------------------------------|
| AL 10 | Diploma Pentadbiran Awam |
| BM 11 | Diploma Pengajian Perniagaan |
| BM 12 | Diploma Pengurusan Bank |

ITM Cawangan Perak

Pendahuluan

Sepanjang tahun 1994, ITM Cawangan Perak masih meneruskan operasinya di kampus sementara di Bandar Sri Manjung dengan mengendalikan 11 buah kursus sepenuh masa dan 4 buah kursus separuh masa. Mulai 1 Januari 1994, teraju kepimpinan kampus cawangan ini telah diambilalih oleh Pengetua baru iaitu Tuan Haji Mohd. Salleh bin Haji Ismail. Beliau menggantikan Tuan Syed Ziad Syed Nordin Wapha yang telah tamat tempoh perlantikannya pada 31 Disember 1993.

Dalam usaha meningkatkan pengetahuan kakitangan dan pelajar, ITM Cawangan Perak telah berjaya menganjurkan kursus dan seminar seperti berikut:

- i) Seminar Penyelarasan Penilaian Prestasi Kakitangan, di Gunung Jerai, Gurun Kedah pada 7 hingga 9 Jun 1994.
- ii) Kursus Asas Ukur Kejuruteraan di ITM Cawangan Perak pada 13 hingga 18 Jun 1994.
- iii) Kursus Peningkatan Kualiti Diri Pensyarah di Pusat Pertanian Batu 9, Lekir pada 23 hingga 25 September 1994.
- iv) Seminar Peningkatan Prestasi Pensyarah di Cameron Highland pada 29 hingga 30 September 1994.

- v) Seminar Pengukuhan Budaya Kerja Cemerlang Kumpulan di ITM Cawangan Perlis dan Langkawi pada 25 hingga 30 November 1994.

Kursus Yang Dijalankan

Sepenuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|--|
| AP 09 | Sijil Perancangan Bandar dan Wilayah |
| AP 11 | Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah |
| AP 13 | Diploma Seni Bina |
| AP 14 | Diploma Ukur Bahan |
| AP 15 | Diploma Pengurusan Hartanah |
| AP 16 | Diploma Bangunan |
| AP 17 | Diploma Rekabentuk Dalaman |
| KP 08 | Pra Sains |
| AC 10 | Diploma Perakaunan |
| CS 10 | Diploma Sains Komputer |
| SS 10 | Diploma Sains Kesetiausahaan |

Separuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|------------------------------|
| AL 10 | Diploma Pentadbiran Awam |
| BM 11 | Diploma Pengajian Perniagaan |
| BM 12 | Diploma Pengurusan Bank |

ITM Cawangan Pahang

Pendahuluan

Tahun 1994 merupakan tahun kedua ITM Cawangan Pahang beroperasi di kampus tetap di Bandar Pusat Jengka. Rumah kakitangan sebanyak 94 unit telah siap dan dapat digunakan pada pertengahan tahun 1994. Walaupun ianya telah mengatasi masalah perumahan yang dihadapi oleh kakitangan di kampus ini, namun bilangannya masih belum mencukupi untuk menampung keperluan keseluruhan kakitangan.

Sepanjang tahun 1994 kampus cawangan ini telah berjaya mengadakan kursus dan bengkel untuk kakitangan dan pelajar iaitu:

- i) Kursus Sistem Ejaan Mutakhir Bahasa Melayu pada 27 hingga 28 Jun 1994 di Dewan Kuliah I, ITM Cawangan Pahang.
- ii) Kursus Sehari Pendidikan Peyalahgunaan Dadah pada 7 Julai 1994 di Bilik Mesyuarat Utama, ITM Cawangan Pahang.
- iii) Bengkel Komunikasi dan Pengendalian Stress pada 25 hingga 26 Julai 1994 di Bilik Konferensi Pensyarah, ITM Cawangan Pahang.
- iv) Kursus Asas Merekabentuk Landskap pada 20 hingga 22 Disember 1994 di ITM Cawangan Pahang.
- v) Program Latihan Tahunan Akademik pada 28 hingga

30 Disember 1994 di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.

Pada 1 Julai 1994, kampus cawangan ini telah menerima kunjungan Ahli-Ahli Majlis ITM yang mengadakan mesyuaratnya di kampus ini. Ahli-Ahli Majlis telah diberi taklimat mengenai perkembangan dan kemajuan kampus ini, di samping melawat di sekitar kampus.

Dalam rangka lawatan YAB Perdana Menteri dan isteri ke Bandar Pusat Jengka pada 28 November 1994, YAB telah singgah di kampus ini di samping mengadakan pertemuan dengan badan Perhubungan UMNO Negeri dan Ahli-Ahli Exco Negeri Pahang.

Pada tahun ini juga, ITM Cawangan Pahang telah dipilih sebagai Tuan Rumah bagi Kejohanan Sukan Antara Kampus Untuk Kakitangan ITM Ke-8. Kejohanan telah berlangsung pada 14 hingga 18 Disember 1994. Perasmianya telah dilakukan oleh YB Dato' Mohamad b. Hj. Abdullah, wakil Menteri Besar Pahang, sementara, majlis penutupan telah dipengerusikan oleh YB Dato' Zainal b. Hassan, ADUN Cawangan Jengka.

Kursus Yang Dijalankan

Sepenuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|------------------------------|
| AS 10 | Diploma Pengurusan Ladang |
| AS 19 | Diploma Sains |
| CS 10 | Diploma Sains Komputer |
| SS 10 | Diploma Sains Kesetiausahaan |
| KP 08 | Pra Sains |

Separuh Masa

| Kod Kursus | Kursus |
|------------|------------------------------|
| AL 10 | Diploma Pentadbiran Awam |
| BM 11 | Diploma Pengajian Perniagaan |
| BM 12 | Diploma Pengurusan Bank |

ITM Cawangan Kelantan

Pendahuluan

Pada tahun 1994, ITM Cawangan Kelantan masih lagi beroperasi di kampus sementara yang terletak di Kem Kijang, Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu, Kelantan.

Pembinaan kampus tetap di Bukit Ilmu, Machang yang telah dimulakan pada bulan April 1993 akan dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 1995.

Di dalam usaha kami untuk menambah bilangan pelajar walaupun di dalam keadaan yang terhad, ITM Cawangan Kelantan telah menawarkan semula kursus Diploma Pengurusan Bank pada semester Januari 1995 setelah diberhentikan pada Januari 1992.

Sepanjang tahun 1994 beberapa peristiwa penting dialami oleh kampus ini, antaranya:

1. Lawatan Pengarah ITM pada 10 Mei 1994

2. Lawatan Timbalan Perdana Menteri pada 12 Mei 1994
3. Mesyuarat dan lawatan Ahli Majlis ITM pada 6 Ogos 1994

Di samping itu, pihak pengurusan ITM Cawangan Kelantan juga telah berjaya mengendalikan kursus-kursus dan seminar seperti berikut:

1. Kursus Keluarga Bahagia di ITM Cawangan Kelantan pada 20 hingga 21 April 1994.
